Thought Leader

Think Science | Celebrate Technology | Inspire Innovation

LAPORAN TAHUNAN **2018**
ANNUAL REPORT

AKADEMI SAINS MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
2018

Imbas untuk membaca
versi digital
laporan ini.

Konsep Rekaan Kulit

Sebagai Badan Pemikir Sains, Teknologi dan Inovasi, Akademi Sains Malaysia memberi keutamaan kepada maklumat yang sahih dan benar dalam membentang syornya. Konsep rekaan kulit menggambarkan Akademi sebagai organisasi yang mempunyai pendekatan yang unik pada masa yang sama, berganding bahu dengan pelbagai entiti bagi memastikan Malaysia yang harmoni, makmur dan lestari. Matlamat kami untuk mencapai Malaysia yang progresif bermula dengan cetusan idea yang terbaik bagi masyarakat sejagat.

©Akademi Sains Malaysia
Tulisan dan rekaan oleh Akademi Sains Malaysia

Isi Kandungan

MENGENAI ASM 6

TITIPAN DARI PRESIDEN 8

MENYUARAKAN PANDANGAN, IMPAK BERMAKNA 12

MELIBATKAN SAINTIS, MEMPERKASAKAN MASYARAKAT 30

LIHAT. DENGAR. ALAMI 46

MENGHUBUNGKAN SAINS SECARA GLOBAL 48

JARINGAN IDEA 52

AKADEMI SAINS MALAYSIA

THINK SCIENCE,
CELEBRATE TECHNOLOGY,
INSPIRE INNOVATION

Menjadi Peneraju Pemikir yang diiktiraf bagi isu berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi.

Memupuk kecemerlangan dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (SET) untuk kebaikan masyarakat keseluruhannya.

Misi

- Menjadi Peneraju Pemikir
- Menjadi Badan Penasihat Apex dalam hal berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)
- Menjadi penggalak yang efektif terhadap kesedaran dan pemahaman awam tentang STI
- Menjadikan STI sebagai asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat

Fungsi

- Menasihati Kerajaan berkenaan hal STI yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa
- Memupuk budaya kecemerlangan SET di Malaysia
- Membantu meningkatkan keupayaan teknologi sektor industri di Malaysia
- Menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian
- Menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa
- Penerbitan saintifik

Strategi

- Memanfaatkan pemikiran saintifik untuk menentukan hala tuju STI negara
- Memupuk budaya kecemerlangan SET
- Memastikan input STI yang berwibawa dan tepat pada masanya
- Menggalakkan penggunaan dan aplikasi sains untuk kesejahteraan rakyat
- Memudahcara pelaksanaan strategi ekonomi berasaskan inovasi

Aktiviti Kami

Kajian Strategik STI
- Malaysia 2050
- Sosio Ekonomi
- Penjelmaan Teknologi Baru
- Kelestarian Sains

Program Strategik STI
- Pembangunan Kapasiti
- Pengantara
- Konsortium Sains
- Fora Perundingan

Pemegang Taruh

Dalaman
- Felo
- *Associates*
- *Young Scientists Network-ASM* (YSN-ASM)
- *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM)
- Pengurusan ASM

Luaran
- Jabatan Perdana Menteri dan Agensi Pusat
- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan agensinya
- Kementerian lain dan agensi berkaitan
- Industri
- Institusi Penyelidikan
- Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)
- Badan Profesional Sains dan Teknologi (S&T)
- Organisasi antarabangsa STI
- Komuniti bandar dan luar bandar

Piagam Pelanggan

- Memberi khidmat nasihat yang bebas, boleh dipercayai berasaskan data yang tepat pada masanya
- Komited dalam mewujudkan program yang berkualiti ke arah pembangunan asas STI negara yang kukuh
- Mewakili Malaysia dan komuniti saintifiknya di arena antarabangsa
- Menyebarkan pengetahuan saintifik

TITIPAN DARI PRESIDEN

PROFESOR DATUK DR

Asra Israil

FASc

“KAMI AKAN TERUS MELAKSANAKAN PROGRAM BERINOVATIF DAN KAJIAN BERIMPAK TINGGI UNTUK MEMAJUKAN MALAYSIA.”

BAGAIMANAKAH ANDA MENGGAMBARKAN TAHUN 2018?

Bagi ASM, tahun 2018 secara keseluruhan adalah hebat dan sibuk. Kami telah berusaha untuk memperbaiki amalan dan komunikasi dalam kalangan pemegang taruh Akademi, termasuk pakar sains, industri, media dan orang awam dalam menyampaikan objektif kami. Walaupun sibuk, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk memimpin sebuah organisasi dengan jaringan pakar yang bersedia menerima transformasi setiap hari.

Di seluruh dunia, kerajaan menjalankan pelbagai mekanisme untuk mencapai input dan nasihat saintifik. Malaysia juga tidak terkecuali. Dalam memenuhi peranan kami sebagai Peneraju Pemikir STI Malaysia, kami terus menerbitkan kajian yang relevan dan tepat pada masanya. Dipimpin oleh Felo ASM, kajian kami bermatlamat untuk memberi cadangan dasar atas kepentingan nasional.

Selain daripada kajian, kami juga terus memberi tumpuan kepada program berasaskan SET. ASM sentiasa berusaha untuk memupuk rakyat Malaysia ke arah membina bakat saintifik untuk masa hadapan. Menerusi pelaksanaan aktiviti dan program strategik yang dirangka, kami dapat melihat hasil usaha yang kami harapkan dalam meningkatkan kesedaran STEM di negara ini.

Biro antarabangsa ASM terus memupuk hubungan yang kukuh dengan komuniti saintifik antarabangsa, yang membolehkan kami mendapat manfaat daripada kepakaran global. Dari menghadiri mesyuarat ke penganjuran persidangan, kami terus memposisikan Malaysia sebagai peneraju bertaraf dunia dalam arena sains melalui penyertaan aktif sebagai rakan kongsi pengetahuan. Penglibatan ini telah membolehkan kami menempatkan diri sebagai salah satu akademi sains terkemuka di rantau ASEAN.

Meluaskan Jaringan Pakar

Tahun ini, kami telah memilih 29 individu dari kalangan saintis, jurutera dan ahli teknologi yang cemerlang sebagai Felo baru dan 24 orang penyelidik sebagai TRSM. Dengan lebih daripada 581 rangkaian pakar, ASM adalah satu badan dengan kekuatan tersendiri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Felo atas semangat dan sumbangan mereka untuk memperbaiki dan mengembangkan lagi usaha kami untuk terus fokus dalam meningkatkan STI di dan untuk Malaysia.

Sekalung Penghargaan

Akademi hanya boleh berjaya melalui sokongan dari MESTECC, dan saya amat berterima kasih kepada semua pemegang taruh, Felo, dan *Associates* yang telah bekerjasama dengan kami dalam pelbagai usaha. Usaha perlu diteruskan dan kami berbangga dengan pencapaian kami ketika ini. Kami akan terus melaksanakan program inovatif dan kajian berimpak tinggi untuk memajukan Malaysia.

Setiap tahun, Laporan Tahunan ASM adalah peluang kami untuk mempamerkan inisiatif yang dilakukan bersama ke arah mencapai objektif kami sebagai Peneraju Pemikir negara. Saya mempersilakan anda untuk membaca laporan tahunan ini bagi memahami misi dan visi kami. Laporan tahunan kali ini sedikit berbeza dari yang sebelumnya.

Selamat membaca.

ANGKA DI SEBALIK 2018

JARINGAN PAKAR

352 FASc

8 KUMPULAN DISIPLIN

- Teknologi Maklumat & Sains Komputer
- Sains Biologi, Pertanian & Alam Sekitar
- Sains Kejuruteraan
- Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri
- Sains Perubatan & Kesihatan
- Matematik, Fizik & Sains Bumi
- Sains Kimia
- Sains Sosial & Kemanusiaan

41 *ASSOCIATES*

157 PENERIMA TRSM

67 AHLI YSN-ASM

96 AHLI GABUNGAN YSN-ASM

KAJIAN STRATEGIK

PELAKSANAAN SYOR

SCIENCE OUTLOOK 2017

15 DARI **18** SYOR DI BAWAH **21** **INISIATIF** OLEH KEMENTERIAN, AGENSI, INDUSTRI DAN AKADEMIA

INDUSTRY 4WRD

1 DARI **2** SYOR

JEREBU MERENTASI SEMPADAN

1 DARI **5** SYOR

KESELAMATAN SIBER

5 DARI **5** SYOR

AKTIVITI

267 WACANA

82 LIBAT URUS PEMEGANG TARUH

23 SESI PERKONGSIAN ILMU

10 PROGRAM PERDANA

10 PENERBITAN

370,065 JUMLAH PEMBACA

17 ***ASM SCIENCE JOURNAL***

+2 Special Issue

LIPUTAN MEDIA

157 BERITA **DALAM TALIAN & CETAK**

18,835 KOMUNITI MEDIA SOSIAL

12 **ISU** (SURAT BERITA DIGITAL) **ASM FOCUS**

MENYUARAKAN PANDANGAN, IMPAK BERMAKNA

ANTARA PENGETAHUAN KHUSUS DAN PEMBENTUKAN DASAR

Persekitaran yang mencabar kini tidak boleh dielak. Mengiktiraf kepentingan sains untuk mengemudi dunia yang kompleks ini, ASM memainkan peranan penting dalam menganalisis, membangun, dan memberikan khidmat nasihat sains dan penyelesaian dasar kepada kerajaan. Disokong oleh pengetahuan saintifik dan pakar sains berpengalaman, ASM berusaha menangani isu-isu berkaitan STI yang penting untuk negara dan global, secara bebas, berwibawa, relevan dan tepat pada masanya.

PENGURUSAN SUMBER AIR BERINTEGRASI UNTUK MASA DEPAN YANG LESTARI

Jawatankuasa Air ASM meneruskan kerjasama dengan pihak Kerajaan dalam pelaksanaan *National Integrated Water Resources Management Plan* (NIWRMP). Disebabkan oleh penstrukturan semula kerajaan persekutuan berikutan Pilihanraya Umum ke-14, jawatankuasa tersebut telah mengambil kira perubahan tersebut dan telah menyediakan Adendum bagi laporan *Transformation of the Water Sector: National Integrated Water Resources Management Plan* (NIWRMP) – *Strategies and Road Map* yang telah dilancarkan pada bulan Disember 2016.

Adendum tersebut telah dihantar kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), MESTECC dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) besertakan sebuah memorandum pada bulan Disember 2018.

Perbincangan kumpulan fokus turut diadakan terutamanya berkaitan kesedaran *Integrated Water Resources Management* (IWRM), sokongan dan pembinaan kapasiti serta Neksus Air-Tenaga-Makanan agar topik-topik tersebut dapat dikembangkan menjadi kajian utama pada tahun 2019.

WORLD WATER FORUM KE-8

NIWRMP telah dibentangkan semasa *World Water Forum* ke-8, yang merupakan acara bertemakan sumber air terbesar di dunia yang dianjurkan oleh *World Water Council* (WWC).

WORLD LAKE CONFERENCE KE-17

NIWRMP telah dibentangkan semasa *World Lake Conference* ke-17, yang merupakan persidangan bertaraf dunia tentang pengurusan tasik dan lembangan.

Pembentangan ASM di kedua-dua acara ini menunjukkan bahawa Malaysia bersedia untuk melaksanakan pelan ini di peringkat kebangsaan.

- Baca laporan NIWRMP di sini.
- Baca adendum di sini.

MENYATUPADUKAN KOMUNITI SAINTIFIK *DISASTER RISK REDUCTION* (DRR) MALAYSIA MELALUI PERIKATAN

Disaster Risk Reduction Research Alliance Committee (DRR Research Alliance) telah ditubuhkan untuk menyokong komuniti saintifik di Malaysia mengenai pengurusan bencana. Bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), ASM telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Sains, Teknologi dan Inovasi Bagi Pengurangan Risiko Bencana yang pertama pada 5-6 Oktober 2017 untuk memudahkan interaksi antara penyelidik, penggubal dasar, pengamal dari kerajaan, masyarakat, dan industri mengenai pengurusan bencana .

DRR Research Alliance turut bertindak sebagai platform untuk mengumpulkan penyelidik utama serta pemegang taruh dalam bidang DRR untuk menjalankan projek utama yang diterajui oleh ASM. Pakatan ini dipengerusikan oleh Profesor Joy Jacqueline Pereira FASc, dengan sokongan Profesor Emerita Datuk Mazlan Othman FASc dan Ir Dr Zuhairi Abd Hamid FASc serta wakil-wakil dari NADMA Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia, Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI-UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

DRR Research Alliance telah bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2018 dan pencapaian yang dikecapi adalah seperti berikut:

- Pengulasan kertas kerja Persidangan Kebangsaan Sains, Teknologi dan Inovasi yang pertama. Kertas kerja tersebut akan diterbitkan dalam Jurnal ASM pada tahun 2019;
- Pengumpulan input berkenaan Pelan STI Negara untuk DRR daripada para penyelidik dalam bidang DRR di Malaysia. Input tersebut telah disampaikan kepada NADMA Malaysia;
- Perbincangan pelan untuk menonjolkan inisiatif DRR Malaysia di peringkat dunia dengan penganjuran dua persidangan strategik di Malaysia dengan kerjasama NADMA Malaysia, SEADPRI-UKM, UNISDR serta rakan strategik yang lain;
- Penerokaan peluang kerjasama *International Science Council Regional Office for the Asia Pacific* (ISC-ROAP) untuk menubuhkan data akses terbuka berkaitan DRR untuk menyokong usaha amaran awal berasaskan komuniti, yang bertunjangkan S&T.



"SEMAKIN TINGGI PEMAHAMAN KERAJAAN, AGENSI PBB, ORGANISASI, PERUSAHAAN, DAN MASYARAKAT TERHADAP RISIKO DAN KERENTANAN, MAKA MEREKA AKAN SEMAKIN BERSEDIA MENGHADAPI RISIKO BENCANA DAN MAMPU MENYELAMATKAN LEBIH BANYAK NYAWA"

-BAN KI-MOON
MANTAN SETIAUSAHA AGUNG
PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

***SCIENCE OUTLOOK* 2017:** KE ARAH MENCAPAI MALAYSIA PROGRESIF 2050

Diterajui para Felo dan *Associates* ASM, *Science Outlook 2017* meneliti kemajuan Malaysia dalam STI untuk merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai salah sebuah negara yang kreatif dan berinovasi. Bertemakan "Ke Arah Mencapai Malaysia Progresif 2050", pemahaman STI perlu dipertingkat untuk mengubah hala tuju STI dalam negara.

Aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju memerlukan kapasiti untuk membangunkan modal pengetahuan dalam semua sektor. STI telah menyokong pertumbuhan ekonomi negara selama enam dekad sejak mencapai kemerdekaan dan ianya harus dilihat sebagai pemangkin untuk memacu ekonomi baru.

Science Outlook 2017 mengekalkan enam teras strategik daripada edisi sebelumnya. Teras ini adalah berdasarkan NPSTI 2013-2020. Penemuan kajian ini telah dibentangkan semasa pelancarannya pada April 2018.

Mantan Menteri MOSTI, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau melancarkan Science Outlook 2017. Turut bersama, Presiden ASM, Professor Datuk Dr Asma Ismail FASc, dan Pengerusi Science Outlook 2017, Professor Datuk Dr Halimaton Hamdan FASc.

6 **TERAS** STRATEGIK

1 TADBIR URUS STI

Perpecahan dalam ekosistem STI semasa masih menjadi halangan utama yang melumpuhkan kecekapan dan fungsi penyampaian perkhidmatan untuk menyokong ekosistem inovasi. Secara keseluruhannya, membuat keputusan dan mencipta kekayaan yang optimum tidak dapat dicapai kerana pertindihan dalam pengagihan sumber dan ketidakcekapan pemegang taruh dan instrumen sokongan.

Penemuan bagi teras ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan tadbir urus STI dalam negara sejak 15 tahun yang lalu, yang menyebabkan kemunduran STI di Malaysia.

2 PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN & PENGKOMERSILAN

Malaysia telah memanfaatkan pengetahuan secara aktif untuk memacu ekonomi sejak lebih daripada dua dekad lalu.

Walaupun menerima peruntukan tahunan dari sektor awam dan swasta, usaha Malaysia dalam bidang Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (P,P&P) seolah terbantut. Malaysia cemerlang dalam penyelidikan gunaan, namun kekurangan pembangunan eksperimental menunjukkan pengkomersilan produk dan perkhidmatan dari hasil kajian adalah rendah.

3 BAKAT STI

Masalah kemerosotan bilangan pelajar yang meneruskan pengajian dalam bidang STEM di institusi pengajian tinggi sangat membimbangkan kerana Malaysia mungkin bakal menghadapi kekurangan bakat yang cekap teknologi ketika negara menuju ke arah revolusi industri yang seterusnya.

Dalam anggaran lima juta pelajar yang mendaftar di sekolah rendah dan menengah, hanya kira-kira 100,000 pelajar akan memilih subjek yang berkaitan dengan STEM, malahan kurang dari jumlah tersebut meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang STEM. Bilangan ini dijangka akan terus merosot jika tiada langkah diambil untuk meningkatkan minat pelajar terhadap subjek berkaitan STEM.

Bakat STEM di Malaysia juga didapati tidak dimanfaatkan kerana kekurangan kecekapan yang tepat dan bayaran gaji yang tidak setimpal.

4 STI MENTENAGAKAN INDUSTRI

Dari segi daya saing global, Malaysia berada di posisi yang baik; namun perlu mengambil kira bahawa sebanyak 98.5% perniagaan di Malaysia terdiri daripada pengusaha kecil dan sederhana (PKS). Oleh itu, kapasiti industri, infrastruktur, kecekapan tenaga kerja dan penggunaan teknologi perlu dipertingkat agar Malaysia mampu bersaing di arena antarabangsa.

Kajian ini mengenal pasti bahawa ekosistem negara tidak dapat meningkatkan keupayaan inovatif Malaysia. Hanya 6% syarikat Malaysia adalah pencipta. Ketepuan pasaran akibat lambakan barangan tiruan telah menyebabkan produk yang dihasilkan tidak berkualiti di peringkat antarabangsa.

Model kerjasama strategik untuk merangsang pembangunan teknologi, pengkomersilan dan mempercepat pertumbuhan produktiviti PKS harus ditingkatkan untuk menjadikan PKS sebagai perantara inovasi. Pengantara sedia ada tidak diterajui industri dalam memupuk penyelidikan berasaskan permintaan, menyebabkan ianya tidak berkesan dalam merapatkan jurang inovasi dan menggalakkan inovasi terbuka.

Kelemahan antara pengusaha dan saluran penyebaran pengetahuan berkaitan industri menyukarkan usaha bagi mewujudkan ekosistem inovasi yang berjaya.

5 PEMBUDAYAAN STI

Pembudayaan sains secara tidak formal mempunyai kesan yang lebih besar dalam memupuk masyarakat celik sains. Rakyat Malaysia bernasib baik kerana terdapat pelbagai persekitaran yang sesuai dijadikan sebagai medium pembudayaan STI. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi memastikan medium ini sentiasa relevan dan menarik kepada pelawat perlu diteruskan.

Kajian mengenai penyiaran awam dalam tempoh tiga bulan menunjukkan bahawa saluran televisyen kerajaan menawarkan pelbagai kandungan berkaitan STI; manakala tiada program STI di saluran swasta.

Selain dari berita tetap dengan kandungan yang berkaitan dengan sains, akhbar-akhbar Malaysia mempunyai bahagian khusus untuk liputan sains; tetapi kandungan liputan ini kurang berbanding liputan politik dan sukan.

Pilihan utama kandungan *YouTube* oleh rakyat Malaysia adalah saluran hiburan dan komedi, dan tiada saluran *YouTube* berkaitan STI menjadi pilihan penonton Malaysia. Trend menunjukkan rakyat Malaysia cenderung ke arah rancangan berasaskan hiburan.

6 HUBUNGAN ANTARABANGSA STRATEGIK STI

Globalisasi telah mengubah bukan sahaja ekonomi dunia, tetapi juga bagaimana sumber saintifik, kakitangan, dan dana penyelidikan tidak lagi dibatasi oleh sempadan geografi dalam meningkatkan pengetahuan saintifik dan mencari penyelesaian kepada isu global. Malaysia dan rakyatnya perlu terus menerajui strategi dalam memposisikan Malaysia di arena antarabangsa.

» • Baca laporan penuh kajian. • Tonton video pelancaran.

18 SARANAN

1. **Memperkukuh perancangan dan penyelarasan sains melalui badan berpusat khusus.**
2. **Menubuhkan platform STI yang rasmi antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.**
3. **Menitikberatkan pembangunan eksperimental.**
4. **Menubuhkan Agensi Pengurusan Penyelidikan Pelbagai Fungsi (RMA) serta mempertimbang penubuhan Agensi Pengkomersilan Teknologi (TCA).**
5. **Mengenal pasti semula bidang keutamaan PPP negara.**
6. **Membangunkan Kluster Inovasi Serantau.**
7. **Menarik minat dan mengekalkan bakat STEM dengan menawarkan ganjaran dan peluang pembangunan kerjaya secara berterusan.**
8. **Mengutamakan pembangunan kemahiran numerik dan teknikal.**
9. **Membuat penilaian jurang bakat dan kemahiran STEM negara setiap dua tahun.**
10. **Menubuhkan rangkaian kolaboratif yang berpandukan industri untuk mempertingkat penyelidikan berasaskan permintaan, serta penyertaan sektor swasta.**
11. **Memudahkan penyebaran dan pemantauan maklumat berkaitan dengan industri dengan pusat penyimpanan data dan maklumat maya.**
12. **Kerjasama antara sektor kerajaan dan swasta untuk mengemaskini dan menaiktaraf ruangan pembudayaan STI.**
13. **Membentuk pusat media sains maya untuk memantapkan isi kandungan STI di pelbagai platform media.**
14. **Mengutamakan pembentukan rancangan kreatif bertemakan STI.**
15. **Kepimpinan dalam menentukan arah tuju hubungan antarabangsa strategik STI negara.**
16. **Meningkatkan peranan atase sains di kedutaan Malaysia seluruh dunia.**
17. **Memperkukuh hubungan antara Kementerian Luar Negeri (KLN) dan komuniti saintifik negara.**
18. **Memanfaatkan platform perdagangan Malaysia di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan kepintaran pasaran dalam industri berasaskan STI.**

PRECISION MEDICINE

SATU RAWATAN BUKAN UNTUK SEMUA

Selama ini, kaedah yang digunakan oleh doktor untuk mengubati pesakit adalah dengan memberikan ubat dan dos yang sama kepada semua pesakit. Perbezaan hasil rawatan sebegini, terutamanya dari segi tempoh pemulihan dan kesan sampingan, menunjukkan bahawa kepelbagaian genetik setiap individu perlu dititikberatkan. Kaedah "satu rawatan untuk semua" tidak boleh dipraktikkan lagi.

Precision medicine merupakan salah satu strategi rawatan dan pencegahan yang memuncul dan kian berkembang, di mana penjagaan kesihatan dikhususkan menurut kepelbagaian genetik, persekitaran, dan gaya hidup individu. Kaedah perubatan yang khusus, yang boleh dijangka, bersifat mencegah dan partisipatori ini mampu wujud kerana revolusi genom masa kini.

Di peringkat global, inisiatif berprofil tinggi dalam *precision medicine* telah dilancarkan, dengan peruntukan berjuta dolar dalam bentuk geran penyelidikan dalam bidang ini. Negara-negara seperti *United Kingdom* dan Amerika Syarikat telah mula meneraju bidang ini, dan syarikat teknologi gergasi juga menunjukkan minat mereka dalam bidang ini dengan pengumuman pelaburan dalam pembinaan dan pemerolehan yang mampu memajukan Kecerdasan Buatan (AI), Pembelajaran Mesin (ML), bioinformatik dan kemajuan penjagaan kesihatan yang lain.

Kini tiba masanya untuk Malaysia menongkah arus seiring dengan perubatan disruptif. Walaupun Malaysia mempunyai kepelbagaian data genomik, kemungkinan hanya 0.01% telah dikaji dan dicirikan. Seiring dengan itu, *Special Interest Group (SIG) on Precision Medicine Initiative* telah diwujudkan oleh Majlis ASM pada 12 September 2017. Profesor Datuk Dr A Rahman A Jamal FASc telah dilantik sebagai Pengerusi SIG tersebut.

SIG ini akan membincangkan dan menentukan kepentingan inisiatif *precision medicine* di Malaysia. Kertas posisi yang komprehensif akan dihantar kepada Kerajaan dalam suku keempat tahun 2019. SIG yang terdiri daripada enam ahli ini telah mengadakan mesyuarat pertama pada bulan November 2018 untuk meninjau dan mengorak langkah dalam bidang ini ke arah Malaysia yang lebih sihat.

PAKATAN MALAYSIA UNTUK TEKNOLOGI *BLOCKCHAIN*

Blockchain dan *Electronic Distributed Ledger Technologies (EDLT)* berpotensi untuk menyokong transaksi masa nyata yang efisien dan selamat merentasi pelbagai sektor, seterusnya menyediakan peluang untuk inovasi disruptif.

Sehubungan itu, ASM telah membentuk *Malaysian Alliance on Blockchain Technology* yang diketuai oleh Datuk Fadilah Baharin FASc. Inisiatif utama pakatan tersebut adalah untuk menghasilkan kertas putih untuk mempersiap Malaysia dalam bidang teknologi *blockchain* dan ELDT dari segi hala tuju dasar strategik, rangkaan kawal selia, piawaian dan sebagainya.

Pakatan tersebut terdiri daripada 17 agensi/ kementerian/entiti neutral seperti berikut:

- ASM
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- CyberSecurity Malaysia (CSM)
- Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
- Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT)
- MIMOS
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
- MESTECC
- Kementerian Kewangan (MOF)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Encik A Fattah Yatim (entiti neutral)
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Universiti Malaya (UM)

Objektif kertas putih tersebut adalah untuk membolehkan MESTECC menyelaras pelan tindakan pembangunan teknologi *blockchain* di Malaysia dengan menubuhkan Jawatankuasa *Blockchain* Kebangsaan untuk memastikan pelaksanaan berintergrasi dan pelaksanaan yang dipantau di peringkat kebangsaan.

HALAL

TASK FORCE ON THE SCIENCE OF HALAL INITIATIVE IN MALAYSIA

"Halal" - secara amnya bermaksud dibenarkan dalam Islam - meliputi kedua-dua produk dan perkhidmatan. Dengan jangkaan peningkatan populasi Muslim global sebanyak 2.2 bilion menjelang 2030, permintaan barangan dan perkhidmatan halal dijangka akan turut meningkat. Nilai pasaran global untuk perdagangan halal bagi produk makanan dan bukan makanan dianggarkan sebanyak USD2.3 trilion setahun, menjadikan ia salah satu pasaran yang berkembang pesat di dunia.

Menyedari potensi dan impak besar industri halal bagi Malaysia dan keperluan untuk memposisikan industri halal Malaysia secara strategik, ASM pada tahun 2017 menubuhkan *Task Force on the Science of Halal Initiative* yang dipimpin oleh Academician Tan Sri Dato' Ir Ts Ahmad Zaidee Laidin FASc. Objektif badan bertindak ini adalah untuk merumuskan kertas posisi mengenai sains halal.

Berdasarkan penemuan awal, ASM telah menyedari keperluan bagi menyatukan data dan inisiatif sains halal di Malaysia, termasuk maklumat mengenai status penyelidikan semasa dan saintis terlatih dalam bidang berkaitan sains halal dalam negara, serta memahami isu semasa yang dihadapi oleh pemain industri halal yang berpotensi untuk ditangani melalui sains, teknologi dan inovasi.

Dalam mengembangkan industri halal Malaysia agar ia boleh memenuhi permintaan barangan dan perkhidmatan di masa depan, pendekatan halal terbina *(built-in halal approach)* perlu dipertimbangkan di mana STI boleh digunakan melangkaui kawalan kualiti dan ujian.
Pasaran khusus seperti logistik halal perlu dipertimbangkan, di mana teknologi memuncul seperti *blockchain* dapat membantu pengeluar untuk mengesan dan memantau dan memastikan kualiti produk halal lagi baik.

21 Februari 2018:
Halal Science Strategic Planning Workshop 2.0

Bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti isu, cabaran dan cadangan untuk meningkatkan pembangunan STI dalam sektor utama yang dikenal pasti untuk sains halal:

- **Farmaseutikal**
- **Makanan dan minuman**
- **Perubatan dan kesihatan**
- **Kosmetik dan penjagaan diri**

MEMAHAMI PEMBELAJARAN MESIN

Peningkatan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) memberi pelbagai faedah sosial dan ekonomi yang melangkau pelbagai sektor ekonomi. AI membolehkan sistem komputer menganalisis, mempelajari, dan memproses maklumat dengan kelajuan yang luar biasa, jauh melebihi kebolehan manusia.

Kebelakangan ini, kemajuan dalam pembelajaran mesin (ML), salah satu cabang AI yang membolehkan sistem komputer untuk belajar secara terus dari contoh dan pengalaman untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu, telah menarik perhatian bidang akademik dan industri.

Menyedari potensi ML untuk Malaysia, ASM telah menubuhkan *Special Interest Group on Machine Learning* (SIG ML) pada Mei 2017. Tujuan inisiatif ini adalah:

- Untuk menentukan perubahan utama di peringkat tempatan, serantau dan global yang akan menggalakkan penggunaan pembelajaran mesin di Malaysia
- Untuk menentukan aplikasi pembelajaran mesin yang boleh dilaksanakan di Malaysia
- Untuk meneroka faktor-faktor utama yang membolehkan penggunaan Pembelajaran Mesin
- Memangkinkan hubungan antara akademia dan industri yang dibantu oleh kerajaan ke arah penggunaan pembelajaran mesin
- Untuk membincangkan cara meneruskan penggunaan pembelajaran mesin di Malaysia

SIG ML terdiri daripada 25 penyelidik dari universiti awam dan swasta serta institusi penyelidikan, dengan bidang penyelidikan berkaitan ML.

3 Mei 2018: SIG ML, dengan kerjasama *Collaborative Research in Engineering, Science & Technology* (CREST), telah menganjurkan bengkel *Strategic Enablement of AI and ML in Malaysia* di USM, Pulau Pinang, dan dihadiri oleh 170 peserta.

2 November 2018: Satu sesi kongsi ilmu bersama Profesor Dr Sarah Barman, pensyarah *Computer Vision* di *Kingston University*, mengenai *Role of AI in Transforming Healthcare* telah diadakan di UIAM.

13 November 2018: SIG ML dengan kerjasama CREST telah menganjurkan syarahan umum bertajuk *Machine Learning for Small and Big Data Analytics in Healthcare and Manufacturing* di UNITEN.

DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA (DSTIN)

KAJIAN SEMULA DAN FORMULASI

Bagi menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan mengarusperdanakan STI, MESTECC telah mengarahkan ASM untuk mengkaji semula DSTIN 2013-2020 dan merangka DSTIN 2021-2030 yang baru. Dato' Profesor Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud FASc telah dilantik sebagai Pengarah Projek bagi kajian ini.

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa:
Fasa 1: Kajian Semula (Jul 2017 - Feb 2018)

Semasa proses kajian semula, dasar semasa didapati komprehensif, tetapi ia memerlukan penambahbaikan selanjutnya untuk lebih holistik dan sesuai dengan peredaran masa.

Kajian ini mendapati terdapat 48 dasar dengan elemen STI yang telah diperkenalkan oleh kementerian yang berlainan di negara ini. DSTIN sepatutnya menjadi sebuah dasar mengenai STI yang menyeluruh; namun kementerian lain tidak menyedari bahawa dasar sedemikian telah dirangka. Di samping itu, hanya tiga daripada 48 dasar ini mengandungi penanda boleh ukur. Kekurangan kejelasan juga terbukti dalam pemerolehan beberapa data statistik. Dokumen ini boleh menyampaikan langkah-langkah dasarnya dengan lebih jelas.

Kajian semula juga mendapati sistem semasa tidak mempunyai badan tadbir urus yang berdedikasi untuk memastikan sistem pengawasan yang lebih teratur. Untuk memastikan pendekatan yang lebih berkesan, adalah penting bagi dasar ini untuk menerangkan peranan dan tanggungjawab agensi yang terlibat.

Fasa 2: Kajian Formulasi (Mac - Dis 2018)

Dikenali sebagai *Future Acceleration through Science, Technology and Research Excellence* 2021-2030, dasar baru ini digubal ketika Fasa 2 dengan matlamat memperkaya kehidupan, mengembangkan minda, dan membentuk masa hadapan. Ia direka untuk meneraju Malaysia ke arah menjadi sebuah negara yang mahir dan lebih berdaya saing yang dibina dengan asas STI yang kukuh.

Future Acceleration through Science, Technology and Research Excellence (FASTREx) *2021-2030*

6 TERAS STRATEGIK

MENGINSTITUSIKAN TADBIR URUS STI

Menginstitusikan Tadbir Urus STI Negara melalui Rangka Kerja Perundangan dan Pengawalseliaan

01

MEMAJUKAN P, P & P

02 Merealisasikan Output P, P & P yang Ditambah Nilai

MEWUJUDKAN BAKAT ALIRAN STEM UNTUK MALAYSIA YANG MAJU

Memperkukuhkan Bakat STEM untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan

03

MENTENAGAKAN INDUSTRI

04 Mengasah Daya Saing ke arah Ekonomi Berasaskan Inovasi yang Dipercepat

PEMBUDAYAAN STI

Memupuk Masyarakat Berfikiran Sains dalam Kehidupan

05

MENCAPAI KEUNGGULAN GLOBAL MELALUI PAKATAN STRATEGIK ANTARABANGSA

06 Rakan Kongsi STI Global Pilihan dalam Pakatan Antarabangsa

KAJIAN PELAN INDUK SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI NEGARA (STIMP) 2020-2030

Dalam usaha mengarusperdanakan STI untuk kemajuan sosio-ekonomi negara, MESTECC telah dimandatkan oleh Kerajaan untuk merangka Pelan Induk STI Negara untuk menyokong pelaksanaan semua dasar yang berkaitan STI (STI untuk Dasar) serta merealisasikan Agenda Sains Negara dan memanfaatkan peluang STI untuk mencapai pertumbuhan ekonomi berpaksikan Rakyat.

ASM sebagai agensi bersifat bebas dan terdiri dari Felo berkepakaran tinggi telah dilantik sebagai rakan strategik dalam merangka Pelan Induk STI Negara 2020-2030 dari 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2018. Dato' Dr Rahmah Mohamed FASc telah dilantik sebagai Pengarah Projek pada tahun 2016.

Kajian tersebut telah dijalankan berdasarkan lima bidang fokus yang dikenal pasti daripada laporan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) tentang Profil Inovasi Malaysia (2013) iaitu Tadbir Urus, Bakat, Industri, Infrastruktur serta Ekonomi dan Kewangan. Bidang fokus ini perlu ditambahbaik untuk memajukan STI negara. Setiap bidang fokus diketuai oleh Felo dan *Associates* ASM. Sepanjang tahun 2018, beberapa sesi bersama pelbagai pemegang taruh seperti ahli industri, akademia, penggubal dasar serta ahli masyarakat telah diadakan dengan objektif berikut:

- Mengenal pasti isu, kelemahan dan cabaran STI dalam lima Bidang Fokus.
- Mengesahkan strategi dan pelan tindakan untuk menangani isu yang dikenal pasti.

Teras utama pelan induk ini adalah untuk mengenal pasti situasi di mana kolaborasi dan kerjasama antara pelbagai pemegang taruh dapat dipraktikkan sepenuhnya tanpa melupakan tujuan utama pelan induk tersebut iaitu untuk menjaga kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tadbir Urus
Struktur tadbir urus yang kukuh adalah penting untuk memandu dan menambahbaik spektrum pengurusan STI, pembiayaan, pemantauan, penilaian dan ideasi serta mengenal pasti teknologi dan trend pasaran global. Penyelarasan usaha oleh semua pemegang taruh dan instrumen sokongan amat penting dalam membentuk ekosistem STI berintegrasi yang berprestasi tinggi, berkolaborasi tinggi serta mengurangkan penindihan.

Bakat
Bakat merupakan pemacu ekosistem STI yang kukuh dan dinamik untuk menyokong pencapaian visi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Perubahan signifikan perlu dibawa dari segi pembangunan bakat, kemahiran semula, serta meningkatkan kemahiran bakat sebelum dan setelah memasuki bidang pekerjaan.

Industri
Industri perlu berubah dengan mempraktikkan teknologi pintar dan berhubung melangkau Industri 4.0. Selain itu, industri juga perlu melabur dalam tenaga kerja berkemahiran tinggi. Kerjasama industri-akademia juga merupakan ciri penting yang perlu untuk menyokong penyelidikan dan pembangunan berasaskan keperluan agar jurang inovasi dapat dirapatkan dengan memberi hala tuju yang jelas serta memaksimakan pulangan pelaburan.

Infrastruktur
Infrastruktur STI mengupas tentang pembangunan ekonomi yang adil dan saksama melalui perkhidmatan, kemudahan dan sistem asas dari segi Digital, Fizikal, Alam Sekitar, Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi (RDCI) serta Infrastruktur Sosial.

Ekonomi dan Kewangan
Meneroka mekanisme/model yang baru dan diperbaharui dalam instrumen kewangan untuk STI melibatkan kajian terperinci mekanisme pembiayaan dan ekonomi sedia ada, dan pengenal pastian jurang/ kekurangan yang perlu ditangani dan ditambah baik.

DASAR DAN PELAN INDUK STI MALAYSIA 2021-2030

Sebuah jawatankuasa diketuai oleh Professor Datuk Dr Asma Ismail FASc dan dibantu oleh Dr Helen Nair FASc ditubuh untuk melaksanakan sesi pemurniaan bagi kajian NPSTI 2021-2030 dan STIMP 2020-2030. Tujuan sesi pemurnian ini dilaksanakan adalah untuk menghasilkan dasar dan pelan induk STI negara yang saling melengkapi (seperti *Malaysia Policy and Master Plan on STI* 2021-2030). Sesi pemurnian ini akan dilaksanakan dalam suku pertama 2019.

Pasca PRU ke-14, Menteri dan Timbalan Menteri MESTECC, YB Puan Yeo Bee Yin and YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, yang baru dilantik, melawat ASM pada 19 Julai 2018. Mereka diberi pengenalan mengenai fungsi dan peranan ASM sebagai Badan Pemikir untuk STI. Ahli EXCO ASM yakin dan sedia bekerjasama dengan Kementerian dalam mengarusperdanakan Agenda STI melalui sains untuk polisi dan polisi untuk sains.

TINJAUAN SEPARUH PENGGAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 -2025 (Pendidikan Tinggi) merupakan pelan transformasi 11 tahun pendidikan tinggi Malaysia yang direka untuk mendorong pemegang taruhnya seiring, jika bukan lebih awal, dengan cabaran dan trend global melalui sepuluh lonjakan yang akan direalisasikan melalui 32 strategi dan 71 inisiatif.

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji semula tahap dan keberkesanan pelaksanaan, pencapaian semasa, dan cabaran dari sepuluh lonjakan pelan ini. Kajian ini juga akan memberikan pandangan kepada kajian dasar peringkat kebangsaan dan mencadangkan penambahbaikan kepada hala tuju, strategi dan inisiatif pelan ini.

Penemuan kajian yang diketuai oleh Profesor Ir Abdul Aziz Abdul Raman FASc ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD), sebuah badan bebas yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). JKD adalah sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh 13 orang pakar untuk mengkaji dasar pendidikan negara dari Oktober 2018 hingga April 2019.

10 LONJAKAN

1. Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
2. Kecemerlangan Bakat
3. Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
4. Graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Berkualiti
5. Kemampanan Kewangan
6. Pemantapan Tadbir Urus
7. Ekosistem Inovasi
8. Keunggulan Global
9. Pembelajaran dalam Talian Tahap Global
10. Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN MALAYSIA

Universiti Penyelidikan Malaysia (MRU) adalah penggerak utama ekosistem inovasi kebangsaan dan ekonomi pengetahuan Malaysia. Universiti-universiti ini juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi, daya saing industri tempatan, dan meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat. Pada September 2006, UKM, USM, UM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dinamakan sebagai kumpulan perintis MRU. UTM mencapai status MRU kelima pada tahun 2010.

Kajian yang dipengerusikan oleh Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc ini bertujuan untuk menilai semula peranan, impak dan hala tuju MRU. MRU adalah pemangkin utama dalam mengubah Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan serantau dan global. Oleh itu, analisa kritikal mengenai pencapaian semasa, prestasi, isu, cabaran dan jurang akan disediakan.

Tinjauan perbandingan berkenaan impak dan hasil global RU luar negara akan dijalankan dan cadangan untuk memperkukuhkan ekosistem penyelidikan dalaman MRU akan dilaksanakan. Kajian ini juga akan mencadangkan satu rangka kerja strategik untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan antara MRU bagi mengukuhkan keupayaan jaringan pengetahuan yang akan meningkatkan ekosistem inovasi kebangsaan dan daya saing global Malaysia.

KHIDMAT INPUT STRATEGIK

Akademi memberikan input strategik kepada kementerian dan agensi kerajaan berdasarkan kajian ASM terdahulu dan semasa yang diketuai oleh Felo ASM yang pakar dalam bidang berkaitan.

MESTECC
- MJM Kementerian Belia dan Sukan: Semakan Semula Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia
- Draf Akhir Laporan Kajian Pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ke Arah Negara Maju
- Mesyuarat Penyelarasan Status Pencapaian Semasa KPI 500 Set Data Terbuka
- NJM MESTECC: Pembangunan Industri Mobiliti Elektrik
- *MESTECC ICoE Nexus Initiative*
- Bahan Rujukan atau Maklumat Berkaitan STI Enculturation
- MJM KeTTHA: Pelan Halatuju Industri Solar Malaysia 2030
- *Minister of STI's Column 'Recognising Scientists'*
- Bengkel Pengukuhan Tadbir Urus Ekosistem RDCI Negara
- Bengkel Pemurnian Senarai Pekerjaan S&T dan STEM

Malaysia Power Nuclear Corporation
- Kaji Selidik Penerimaan Awam Terhadap Penggunaan Tenaga Nuklear Sebagai Salah Satu Sumber Janaan Elektrik Negara

PEMANDU Associate
- *Discussion on TN50 Study for Plantation and Commodities Sector*

TN50 OGEE Committee Members
- *Discussion on TN2050 Oil, Gas, Energy and Environment (OGEE)*

Agensi Keselamatan Siber Negara
- Bengkel Semakan Semula Dasar Keselamatan Siber Negara dan Pembangunan Strategi Keselamatan Siber Negara

Invest Selangor
- Sesi Percambahan Fikiran untuk Kajian dan Penyediaan Pelan Tindakan Hala Tuju Industri Halal Negeri Selangor

MIGHT
- *Malaysia Blockchain and Distributed Ledger Technology Outlook 2019 Report: Blockchain in Government Consultative Session*

MITI
- *Workshop on Developing the Implementation Plan of National Industry 4.0 Policy Framework (Industry 4WRD)*

Kementerian Air, Tanah dan Sumber asli
- Bengkel Penyediaan Terma Rujukan bagi Kajian Dasar Air Negara

MyIPO
- Sesi Konsultansi Penambahbaikan Dasar Harta Intelek Negara

Malaysian Water Partnerships
- *Malaysia Water Resources Management Forum*

MESTECC dan Malaysian Green Technology Corporation
- Input mengenai Kereta Nasional ketiga kepada YB Menteri MESTECC

KHIDMAT NASIHAT KEPADA KERAJAAN

ASM telah merangka tiga memorandum dalam usaha menyempurnakan mandat sebagai peneraju pemikir dalam STI.

MEMORANDUM TADBIR URUS STI

ASM percaya bahawa tadbir urus STI sangat penting bagi memimpin dan meneraju agenda strategik STI negara untuk meningkatkan produktiviti, pertumbuhan dan transformasi sosial. Memorandum ini mengenal pasti tiga cabaran utama: tadbir urus STI yang lemah, landskap STI yang terbahagi dan tidak bersambung, dan pengagihan sumber yang tidak sekata dan tidak memberi impak yang signifikan.

Memorandum ini telah disampaikan kepada YAB Perdana Menteri pada 11 Jun 2018.

Presiden ASM telah bertemu dengan YAB Perdana Menteri pada 24 Julai 2018.

MEMORANDUM EKOSISTEM INOVASI MALAYSIA

Memorandum ini menekankan keperluan ekosistem inovasi yang berfungsi sepenuhnya bagi merapatkan jurang inovasi untuk Malaysia yang progresif, makmur, harmoni dan mampan berdasarkan kemajuan S&T. Ia turut menyatakan bahawa peranan STI adalah kritikal dalam memulakan dan mengekalkan pembangunan ekonomi dan masyarakat berasaskan pengetahuan. Di samping itu, rangkaian kolaboratif inovasi dapat menggabungkan kepakaran kreatif yang kebanyakannya tidak diterokai dalam lingkaran empat pihak, untuk pembangunan ekonomi pesat yang akan memulakan transformasi sosial yang meluas.

Memorandum ini telah disampaikan kepada Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) pada 9 Julai 2018.

ASM telah membentangkan Memorandum tersebut kepada CEP pada 19 Julai 2018.

INPUT REFORMASI INSTITUSI TADBIR URUS STI YANG LEBIH BERKESAN

Input ini menekankan keperluan pembaharuan institusi yang diperlukan untuk tadbir urus STI yang lebih baik bagi mewujudkan ekosistem STI negara yang berkesan dan cekap. Input ini juga berfungsi untuk mengkaji semula dan menyelaraskan mandat, peranan dan fungsi institusi utama dalam landskap STI Malaysia dengan tujuan menghasilkan tadbir urus, amalan membuat keputusan dan pengagihan sumber yang lebih efektif.

Input ini telah disampaikan kepada Jawatankuasa Pembaharuan Keinstitusian pada 25 Mei 2018.

PENGLIBATAN SAINTIS, MEMPERKASA MASYARAKAT

ASM MENEKANKAN PERANAN PENTING SAINS TERHADAP KESEJAHTERAAN MASYARAKAT DENGAN MELAKSANAKAN PROGRAM SAINTIFIK DEMI KEBAIKAN MASYARAKAT.

Sains sentiasa dikaitkan sebagai bidang yang sukar dan berasaskan buku teks, menjadikan masyarakat hilang minat terhadap subjek itu. Sebenarnya, sains adalah satu subjek yang menarik, yang mendorong kehidupan seharian kita – dan inilah mesej yang ASM cuba sampaikan melalui inisiatif yang dijalankan.

ASM juga memperkasakan komuniti saintifik dengan menganjurkan pelbagai program melalui kerjasama dengan institusi dan organisasi kebangsaan dan antarabangsa.

MEMBENTUK BAKAT STEM MASA HADAPAN

National Science Challenge (NSC) telah mengalami pelbagai perubahan dan penambahbaikan dari segi isi kandungannya, seiring dengan perkembangan bidang sains terkini. Sebagai salah sebuah pertandingan sains yang signifikan di peringkat sekolah menengah, NSC bertujuan membangunkan kapasiti, keupayaan dan kompetensi generasi muda dalam bidang STEM, bagi melahirkan pemimpin yang mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menempuh cabaran di masa depan.

PERINGKAT NEGERI: Pasukan *Wild Card* (gabungan tiga pelajar dengan markah individu tertinggi dalam satu pasukan) serta sesi pembentangan topik STEM dalam tiga minit telah meningkatkan lagi keupayaan berkomunikasi.

PERINGKAT SEPARUH AKHIR: Tahun ini, kem sains bertemakan "Komuniti Pintar" telah diadakan selama tujuh hari. Peserta telah berpeluang mempelajari teknik pemikiran saintifik, meneroka falsafah dan aplikasi topik berkaitan komuniti pintar, serta membangunkan ciptaan yang boleh membentuk dan menyokong komuniti pintar. Peserta juga telah mempelajari teknik penyampaian efektif melalui sesi pembentangan ciptaan mereka bersama sekumpulan saintis muda.

PERINGKAT AKHIR: Empat kumpulan terbaik akan mara ke peringkat akhir, di mana mereka akan diuji melalui kuiz sains yang interaktif, dan juga menunjukkan kebolehan penyampaian umum secara efektif.

Tempat pertama: Piala Pusingan Perdana Menteri, hadiah wang tunai serta lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden.

Tempat kedua: Hadiah wang tunai dan lawatan sambil belajar ke *Silicon Valley*, USA.

Tempat ketiga dan keempat: Hadiah wang tunai, dan peluang lawatan sambil belajar ke Jepun di bawah *Sakura Science Exchange Programme*.



6,450
PENYERTAAN PELAJAR 2018

JUARA
SMK KING GEORGE V, SEREMBAN

TEMPAT KE-2
MRSM TUN ABDUL RAZAK, PAHANG

TEMPAT KE-3
KOLEJ YAYASAN SAAD, MELAKA

TEMPAT KE-4 PASUKAN *WILD CARD*
KEDAH, DIWAKILI PELAJAR DARI SMJK SIN MIN, MRSM LANGKAWI & MRSM KUBANG PASU

• Lawati galeri foto. • Baca liputan akhbar. • Ikuti media sosial NSC.

MEMUPUK PERSAHABATAN ANTARA NEGARA ASEAN MELALUI SAINS

Malaysia telah dilantik menjadi tuan rumah untuk *7th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey* (APT JSO). Peserta dari negara ASEAN serta Korea Selatan telah tiba di Malaysia untuk pertandingan selama empat hari yang terdiri daripada *Great Science Pitch, Great Science Quest* dan *Great Science Ideas*. Ahli YSN-ASM turut menyokong program ini dengan mengajar para peserta teknik komunikasi sains yang efektif.

Pertandingan tersebut telah dianjurkan oleh MESTECC, ASM dan YSN-ASM dengan kerjasama UPM dan beberapa kementerian dan agensi kerajaan.

Selain daripada aktiviti di atas, APT JSO turut mengadakan Malam Kebudayaan. Kepelbagaian budaya negara-negara ASEAN dan Korea Selatan diraikan semasa *Great Cultural Night* melalui tarian, nyanyian, pakaian tradisional.

APT JSO telah memupuk minat peserta dalam bidang STEM, serta memberi peluang untuk mereka meluaskan rangkaian, memupuk persahabatan serta pertukaran budaya.

Great Science Pitch | ***Great Science Ideas*** | ***Great Science Quest*** → **Modul APTJSO ke-7**

7th APT JSO // 29 Julai - 3 Ogos 2018 // UPM

- Peserta dari sembilan buah negara:
  - 19 pasukan
  - 18 orang guru
  - 57 orang pelajar
  - 3 orang pemerhati

1

JUARA
Filipina
Pasukan B
(Philippines Science High School, Soccsksargen Region)

2

TEMPAT KE-2
Malaysia
Pasukan D
(Sekolah Menengah Sains Kuching)

3

TEMPAT KE-3
Korea Selatan
Pasukan B

• Lawati galeri foto. • Tontoni video sorotan. • Baca liputan ASM.

MEMBENTUK MINDA, MENGHASILKAN CIPTAAN

SAINS MENYATUKAN, INOVASI MENENTUKAN

Buat kali kedua, Malaysia telah dijemput untuk menyertai *2nd One Belt One Road Teenager Maker Camp & Teacher Workshop*, oleh *China's Children & Youth Science Center of CAST* (CYSC).

Pelajar dari Sekolah Menengah Sains Kuching yang telah meraih kemenangan semasa *7th APT JSO* telah dipilih untuk mewakili Malaysia ke pertandingan ini.

Pelbagai ciptaan telah dihasilkan melalui pertandingan ini, sebagai contoh: model skala rumah yang diilhamkan oleh senibina Turki, dan juga penghasilan video dengan menggunakan teknologi realiti maya. Wakil Malaysia dari Bumi Kenyalang telah banyak mempelajari kaedah dan kemahiran membangunkan rekacipta STEM. Mereka juga telah memenangi Anugerah Semangat Berpasukan Terbaik dan Pencipta Terbaik tahun ini.

Tahun ini, delegasi Malaysia turut berpeluang untuk berkongsi kisah kejayaan tentang inisiatif Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) melalui forum yang bertemakan pendidikan sains.

2nd One Belt One Road Teenager Maker Camp & Teacher Workshop // 15-21 November 2018 // Beijing, China

• Lawati galeri foto.
• Tonton video sorotan.
• Baca liputan ASM.

PENCIPTA MUDA

Minda generasi muda mengandungi idea-idea yang masih menunggu untuk dicungkil dan dipraktikkan. Idea-idea yang terkandung ini mungkin merupakan kunci kepada menyelesaikan isu-isu global dan serantau. Sumber berharga ini perlu dimanfaatkan dan direalisasikan sebaiknya. Sehubungan itu, *Young Makers Programme* merupakan salah satu acara untuk menemui bakat-bakat muda dalam bidang inovasi.

Young Makers Programme terdiri daripada kem inovasi yang mengajar peserta kemahiran membangunkan projek-projek inovasi, pengaturcaraan, pemikiran reka bentuk, dan pemprototaipan. Peserta dapat berinteraksi dengan pakar-pakar dari industri dan universiti yang bertindak sebagai mentor dan menyampaikan pengetahuan dan kepakaran bidang masing-masing. Di samping itu, pakar-pakar ini juga mengajar menyelaraskan kehendak pasaran dengan pembangunan STI terkini.

DUA KATEGORI:

5 Sekolah

ARDUINO

SMK Abdullah Munshi
- Kit pengawasan untuk golongan warga emas

SM Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin
- Alat Pengukur Aras Minyak dalam Tangki Bawah Tanah

MICROSCALE CHEMISTRY

MRSM Transkrian
- Tahap pH yang Optimum untuk Sabun Kalamin Menyembuhkan Penyakit Kulit

MRSM Balik Pulau
- *The Safest Water during Drought*

SMK Penang Free
- Kit Skala Mikro ke Atas Pelbagai Ujian Kimia

14 Sekolah

4 Sekolah

Fasa 1
Pre-bootcamp 2018
10-11 Okt 2018

- Taklimat program
- Pemikiran Pengkomputeran
- Latihan Teknikal
- Ceramah Kesedaran STEM

Fasa 2
Makers Innovation Challenge
20 Okt 2018

- *Makers Innovation Makeathon*
- Penutup dan Majlis Penyampaian Hadiah

69 ORANG PELAJAR DARI
23 BUAH SEKOLAH (BAHAGIAN UTARA)

• Lawati galeri foto. • Baca liputan ASM.

"STEM" UP YOUR GAME!

Apabila sebuah syarikat berhasrat memupuk minat STEM dalam kalangan kanak-kanak bertemu dengan sebuah organisasi yang berusaha mengarusperdanakan STEM dalam negara, sebuah program yang memenuhi hasrat kedua-dua pihak dan seterusnya memperkaya pelajar terhasil.

ASM percaya bahawa industri memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat terhadap STEM dalam kalangan pelajar sekolah. Melalui YSN-ASM, ASM telah menyokong Syarikat CCM dalam menganjurkan *STEM Up Challenge* dengan jayanya.

Peserta program tersebut telah menduduki kuiz STEM yang komprehensif serta perlu menyiapkan projek sains masing-masing. Sekolah Menengah Perempuan Temenggong Ibrahim tampil sebagai juara program ini. Selain itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading telah meraih anugerah *Most Outstanding Science Project.*

Peringkat Awal: 2–14 April 2018 // Minggu Sains Negara

Peringkat Separuh Akhir dan Akhir: 24 April 2018 // Stadium Batu Pahat, Johor

1,550 PELAJAR (PERINGKAT AWAL)

600 PELAJAR (PERINGKAT SEPARUH AKHIR & AKHIR)

• Lawati galeri foto. • Baca liputan ASM.



MERAPATKAN JURANG ANTARA SAINS DAN MASYARAKAT

Sains adalah menyeronokkan dan menarik. Ia boleh menjadi hala tuju kerjaya yang berdaya maju. Malangnya, ia tidak menarik perhatian masyarakat. Minat rakyat Malaysia terhadap sains didapati rendah berbanding negara lain.

Sains merupakan penerokaan dan penemuan. Tiada cara yang lebih baik untuk menarik minat orang ramai terhadap sains, terutamanya generasi muda, selain dari aktiviti *hands-on* dan eksperimen secara langsung. Dengan ini, MESTECC telah melancarkan Minggu Sains Negara 2018 untuk kali pertama, dengan tema "Negaraku Berinovasi".

ASM telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor dan 15 rakan strategik dalam menganjurkan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Johor di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Segamat. Bertemakan "Luaskan Inovasimu", pelawat dan pelajar telah menerokai keseronokan aktiviti berasaskan sains yang berinteraktif.

1,550 pelajar sekolah menengah sekitar Segamat telah menyertai kuiz dan menghantar projek ciptaan semasa *CCM STEM Up Challenge.*

32 pelajar sekolah menengah telah menampilkan cara penyelesaian yang kreatif untuk masalah harian melalui *Innovation Competition.*

85 pelajar sekolah menengah menyertai *I-STEM Challenge.*

50 guru yang yang telah dilatih untuk meningkatkan mutu pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran STEM melalui IBSE & *STEMazing Workshop.*

YSN-ASM telah menganjurkan program *Science Café* dan Sembang Sains untuk berinteraksi dengan para hadirin tentang topik-topik sains.

4,000 anggaran jumlah pelawat yang telah hadir ke acara yang berlangsung selama tiga hari tersebut.

Minggu Sains Negara // 2-7 April 2018 // seluruh Malaysia

- Lawati galeri foto.
- Baca liputan ASM.

MEMELIHARA ALAM SEKITAR UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI

Alam sekitar merupakan komoditi penting yang membawa kebaikan kepada semua elemen dalam ekosistem. Oleh itu, alam sekitar perlu dilindungi agar sentiasa terpelihara. Pada masa yang sama, masyarakat perlu dididik tentang kepentingan alam sekitar serta menjana kewangan untuk penduduk setempat.

Sehubungan itu, *geopark* dibangunkan sebagai konsep perlindungan, pendidikan dan pembangunan lestari yang holistik. Kawasan simpanan ini mempraktikkan pendekatan bawah-ke-atas untuk menggabungkan pemuliharaan dengan pembangunan lestari yang melibatkan komuniti tempatan.

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) *Global Geopark Planning and Development Workshop* telah diadakan untuk mendidik peserta tentang asas-asas perancangan dan pembangunan *geopark*.

Seramai 16 orang peserta dari dalam dan luar negara telah menghadiri sesi kuliah, bengkel dan lawatan padang ke beberapa *geosite* sekitar Langkawi dan *Jerai Geopark*. Penceramah dan pengajar telah berkongsi pengetahuan dan teknik pengurusan geopark untuk membantu peserta membangunkan geopark di negara masing-masing.

MTCP Global Geopark Planning and Development Workshop // 16-20 September 2018

- Lawati galeri foto.
- Baca liputan ASM.
- Layari laman sesawang.

MENGGALAKKAN BUDAYA *SAFE AND SECURE SCIENCE*

Para saintis dan penyelidik dari rantau MESA berkumpul di *Conference to Promote Safe and Secure Science in the Middle East/North Africa and South/ Southeast Asia* untuk berbincang dan berkongsi amalan terbaik dalam mempromosikan kesedaran tentang amalan sains yang selamat dan terjamin di rantau ini. Menekankan topik sains hayat yang relevan dengan rantau MESA, para peserta membincangkan isu utama seperti penyelidikan, dasar sains, etika, tanggungjawab dalam sains, integriti penyelidikan, dan penglibatan orang ramai.

Modul Pendidikan *Responsible Conduct of Research* (RCR) juga telah dilancarkan bersempena dengan persidangan ini.

93 Peserta dari 13 negara

6 Penceramah jemputan dari Algeria, Malaysia, dan Indonesia

6 Peserta dari Malaysia memenangi *Best Poster Award*

Conference on Safe and Secure Science // 5-9 Februari 2018 // Sunway University

- Lawati galeri foto
- Baca liputan media.
- Baca liputan ASM.

ANUGERAH DAN GERAN

Anugerah dan geran adalah galakan utama kecemerlangan dalam kalangan masyarakat saintifik yang menandakan sumbangan dan pencapaian mereka. Pengiktirafan sebegini adalah penting untuk para saintis dan penyelidik yang telah menjalankan penyelidikan saintifik yang signifikan bagi menangani isu tempatan dan global, selain dari memposisikan Malaysia secara strategik di mata dunia.

ASM memanfaatkan kepakaran Felo sebagai ahli panel penilaian dan pemantauan untuk pelbagai anugerah dan geran. Dengan kepakaran dalam bidang masing-masing, Felo-felo ini memilih saintis dan ahli teknologi yang mempamerkan kecemerlangan dalam usaha penyelidikan mereka.

BOLEHKAH KANSER **DILENYAPKAN** SELAMANYA?

Kanser: Perkataan yang menimbulkan perasaan mendalam – kebiasaannya 'ketakutan'.

Malaysia mempunyai ramai penyelidik dalam bidang penyelidikan kanser yang berusaha memahami, memperbaiki sistem pengesanan dan mencari kaedah baharu untuk menyembuhkan penyakit tersebut. Untuk memastikan usaha murni komuniti penyelidik ini berterusan, peluang dan dana perlu disediakan sebaiknya.

Setiap tahun, Felo ASM menyumbangkan pengalaman dan pengetahuan mereka kepada MAKNA untuk menganugerahkan geran kepada penyelidik muda negara dalam bidang penyelidikan kanser. Penyelidik yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang ini dianugerahkan insentif untuk meneruskan penyelidikan mereka.

Penerima Anugerah Tahun 2018

1) Dr Tee Yee Kai, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
Novel Chemical Exchange Saturation Transfer Magnetic Resonance Imaging (CEST MRI) for Brain Cancer Diagnosis and Treatment Monitoring

2) Dr Amirah Abdul Rahman, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Identification of the role of equilibrative nucleoside transporter 2 (ENT2) in modulating colorectal cancer cell death by RNA interference

3) Vimalan Rengganaten, UTAR
Elucidation of candidate circular RNAs as predictive molecular markers of chemoresistance in colorectal cancer and colorectal cancer stem cells

• Lawati galeri foto. • Baca liputan ASM.

MENERUSKAN LEGASI **DR RANJEET BHAGWAN SINGH**

Penemuan santifik yang hebat mungkin bermula daripada penyelidikan yang terkecil. Mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh menyedari kepentingan menyokong penyelidik awal kerjaya dalam bidang penyelidikan mereka. Oleh itu, beliau telah menyumbangkan sebahagian harta beliau untuk menyediakan geran sebagai dana tambahan bagi menyokong penyelidikan saintis-saintis ini.

Penerima Geran Tahun 2017
Dr Sharmili Vidyadaran, UPM
Mesenchymal stem cells ameliorate microglia-driven neuronal damage

GERAN KHAS UNTUK **PENYELIDIKAN SAINTIFIK STRATEGIK**

Program Utama DSTIN
Projek *Moving up the Value Chain and Environmentally Friendly Processes in Silicon Photovoltaic Technology: Non-toxic Processes, Wafering and Crystal Growth* telah diterima sebagai program yang bakal memberi impak pada pembangunan STI serta seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Projek ini telah menyumbang kepada perkembangan teknologi tempatan dalam pengeluaran sel solar dan *wafer* yang turut membawa manfaat kepada ekonomi negara.

Profesor Dato' Dr Kamaruzzaman Sopian FASc telah dianugerahkan geran ini pada tahun 2014 dan projek tersebut telah disiapkan pada bulan Mei 2018.

Peruntukan Khas Agensi MESTECC
Projek *Development of Yeast System for Flavonoid Production* dikenal pasti sebagai sebuah projek yang memberi impak kepada pembangunan STI negara seiring dengan Model Ekonomi Baharu (NEM).

Projek ini telah memajukan teknologi dalam penghasilan flavonoid tumbuhan daripada sistem yis.

Emeritus Profesor Dr Normah Mohd Noor FASc telah menerima anugerah ini pada tahun 2014 dan projek ini telah disiapkan pada Februari 2018.

ANUGERAH **SAINTIS MUDA NEGARA 2018**

Anugerah ini diberikan oleh MESTECC kepada saintis muda Malaysia yang cemerlang dalam penyelidikan dan pembangunan saintifik.

Penerima Anugerah Tahun 2018
Dr Oon Chern Ein , USM
A novel sirtuin inhibitor: Co-targeting cancer cells and the tumour vasculature as a therapeutic strategy in cancer

ANUGERAH **JURUTEKNOLOGI NEGARA 2018**

Anugerah ini diberikan oleh MESTECC kepada juruteknologi dan golongan semi-profesional seperti juruteknik dan pembantu makmal yang telah memberi sumbangan dan memperoleh pencapaian dalam bidang S&T.

Penerima Anugerah Tahun 2018
Wan Saridah Wan Omar, Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Peningkatan nilai sawit melalui pembangunan produk hiliran

PENYAMPAIAN PROJEK BERKUALITI

Pasukan Pemantauan Projek (PMT) memastikan projek dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan serta sumber-sumber diuruskan dengan bijak. Felo ASM mempraktikkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam membimbing projek supaya ia disiapkan dengan sempurna.

ASM telah dilantik untuk memantau beberapa projek P&P sejak tahun 2007. Pada tahun 2018, sebanyak 17 projek telah disiapkan.

Projek penyelidikan yang dipantau ASM sejak tahun 2007-2018:

10	***TechnoFund***
3	***Community Innovation Fund***
4	***Flagship***
17	**Jumlah projek**

NEWTON-UNGKU OMAR FUND (NUOF)

Kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan UK diteruskan lagi tahun ini dengan NUOF. Dana tersebut bertujuan untuk membangunkan rangkaian antara penyelidik multi-disiplin dan inter-disiplin melalui integrasi pengetahuan STI yang mengenal pasti isu-isu sosio-ekonomi Malaysia.

Aktiviti yang dijalankan di bawah dana tersebut termasuk:
a) Meningkatkan kapasiti dalam komuniti sains dan inovasi Malaysia melalui biasiswa, skim mobiliti dan pusat kerjasama
b) Membentuk kerjasama penyelidikan dalam topik pembangunan
c) Mewujudkan rakan kongsi inovasi dan dana cabaran untuk membentuk penyelesaian berinovasi dalam topik pembangunan

ASM sebagai salah satu badan pelaksana NUOF telah menjalankan beberapa program dengan kerjasama badan pelaksana dari UK yang lain.

Newton Advanced Fellowships
Menyediakan geran untuk latihan, kerjasama, dan lawatan kerja dua hala untuk membangunkan kebolehan dan keupayaan kumpukan penyelidik.

Newton Mobility Grants
Menyediakan geran untuk lawatan, perbelanjaan sara diri dan penyelidikan, dan lawatan untuk mengukuhkan keupayaan penyelidikan dan inovasi penyelidik tempatan.

2018 Mobility Grant in Natural Sciences
• Dua orang penerima anugerah
• Jumlah geran yang diberi: £24,000

2018 Mobility Grant in Social Sciences and Humanities
• Seorang penerima baru
• Jumlah geran yang diberi: £12,000

UK-Malaysia Bilateral Health Research Collaboration Programme in Non-communicable Diseases (NCDs)
Kolaborasi dua hala antara penyelidik Malaysia dan UK dalam bidang Sains Kesihatan dan Perubatan untuk menyelesaikan masalah kesihatan yang kian meruncing di Malaysia.

Newton Researcher Links
Mempergiat perhubungan dan keupayaan sokongan dalam kalangan penyelidik awal kerjaya.

Lima projek inovasi sosial berikut telah dijalankan melalui *Newton Researcher Links Workshop on Social Innovation through Team Entrepreneurial Learning:*

TITIK PERTEMUAN **DUA ALIRAN**



BOLEHKAH DATA DAN EKSPRESI BERSATU?

Bagi mereka yang tidak mengenali dunia seni atau sains, keduanya kelihatan sangat berbeza; satu didorong data, manakala satu lagi didorong emosi. Kebiasaannya, seni dilihat sebagai hasil ekspresi manakala sains pula merupakan penerokaan alam realiti untuk mencari kebenaran.

ASM *ArtScience Prize* adalah satu inisiatif untuk memberi penghargaan kepada hasil karya seni gunaan yang menggabungkan sains dan kesenian.

Sesi *Coffee Chat* yang menampilkan Pengerusi Badan Bertindak *ArtScience Prize*, Ar Hijjas Kasturi FASc telah diadakan untuk memperkenalkan inisiatif *ArtScience* serta menarik minat orang ramai untuk memberi sumbangan kepada inisiatif ini. Para hadirin turut berpeluang berkongsi pengalaman masing-masing dalam menganjurkan, menyumbang serta menghadiri program dan acara bertemakan sains dan kesenian. Di samping itu, mereka juga telah mencadangkan kaedah untuk menarik perhatian dan minat orang ramai dalam inisiatif tersebut.

Sesi Coffee Chat bersama Ar Hijjas Kasturi FASc // 13 Oktober 2018

IMPAK GLOKALISASI

YSN-ASM telah membawa penambahbaikan secara giat melalui pelbagai inisiatif oleh ahli dan ahli gabungannya. YSN-ASM juga telah memberi impak yang tinggi di peringkat antarabangsa.

Impak dan pengaruh positif YSN-ASM terbukti melalui kejayaan melaksanakan lebih daripada 50 program jangkauan luar sains, pendidikan sains, komunikasi sains, kepimpinan sains, dasar sains, integriti sains, dan rangkaian antarabangsa.

***Malaysian Educational Module on Responsible Conduct of Research* (RCR)**

Memupuk budaya integriti penyelidikan dalam ekosistem saintifik Malaysia

***7th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey* (APT JSO)**

Merekabentuk dan membangunkan isi kandungan dan meneraju pelaksanaan program tersebut

National Science Challenge

Bilangan ahli yang teramai menyumbangkan ilmu dan tenaga dalam penyediaan soalan dan modul

Minggu Sains Negara & *2018 Kuala Lumpur Engineering & Science Fair* (KLESF)

Pameran STEM dan *Science Talks*

KOLOKIUM YSN-ASM 2018

Bertemakan *"Glocalise the Impact"*, Kolokium YSN-ASM 2018 menghimpunkan 86 ahli dan ahli gabungan dan telah diadakan di Bukit Tinggi, Pahang dari 7 hingga 9 Disember 2018. Acara tahunan dianjurkan untuk meraikan pencapaian profesional dan peribadi serta impak kolektif YSN-ASM. Di samping itu, ia juga diadakan untuk merangka program dan aktiviti YSN-ASM bagi tahun 2019.

Kolokium tahun ini menyaksikan Dr Chai Lay Ching menyandang jawatan sebagai pengerusi baru YSN-ASM yang diambil alih dari Profesor Dr Abhi Veerakumarasivam, dan menjadi wanita pertama yang mempengerusikan YSN-ASM. Usaha yang lebih fokus dan bersepadu pada program perdana akan dilaksanakan untuk memaksimumkan impak yang bertujuan untuk mempelopori pemimpin untuk melaksanakan pelbagai aktiviti atau inisiatif oleh YSN-ASM.

2018 : 10 AHLI BARU YSN-ASM TELAH DILANTIK

40 AHLI GABUNGAN BARU TELAH DIPILIH

KONSORTIUM SAINS KEBANGSAAN

Dalam usaha memperkukuh P&P Malaysia untuk mentransformasikan sosio-ekonomi negara, Konsortium Sains Kebangsaan telah diwujudkan sejak 2013 untuk memperkasakan usaha bersepadu negara dalam bidang strategik STI. Inisiatif ini telah dijalankan melalui penubuhan pusat tumpuan untuk kerjasama antara institusi dan antarabangsa.

Misi penubuhan konsortium ini adalah untuk mengantarabangsakan P&P Malaysia dan pada masa yang sama meningkatkan output penyelidikan berimpak tinggi. ASM juga ingin mencari rakan kerjasama tempatan dan antarabangsa untuk meneraju bidang strategik STI bagi membangunkan saintis cemerlang. Selain itu, program ini bertujuan untuk memudahkan Pusat Kecemerlangan (COE) luar negara yang sedang mencari pusat kerjasama tempatan agar ASM berpeluang untuk mengambil bahagian dalam projek saintifik berskala global.

MALAYSIA INSTITUTE FOR INNOVATIVE NANOTECHNOLOGY (NanoMITe)

Sebagai konsortium penyelidikan global yang terdiri daripada 100 saintis nano peringkat tertinggi dari institusi dan pusat akademik bertaraf dunia, Malaysia Institute for Innovative Technology (NanoMITe) berusaha untuk:

- Menyediakan platform global untuk penyelidikan, membangunkan dan mengukuhkan keupayaan dan kapasiti tempatan terhadap nanoteknologi
- Memacu industri berasaskan nanoteknologi untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat
- Menyokong pelaksanaan Kerajaan ke atas Ekonomi Distributif dengan memberi tumpuan kepada penyertaan aktif para saintis nano kelas dunia tempatan dan global
- Menggalakkan sains, budaya penyelidikan dan ekonomi berasaskan pengetahuan

NanoMITe sedang menjalankan 19 projek dalam lima bidang utama:

- Tenaga
- Kesihatan, Perubatan dan Penjagaan Kesihatan
- Makanan dan Pertanian
- Elektronik, Peranti dan Sistem
- Alam Sekitar

Pada tahun 2018, NanoMITe telah mengambil bahagian dalam *Educational Research Cluster under the Indonesia-Malaysia Research Consortium* (IMRC) bersama beberapa universiti di Indonesia. Di samping itu, Pasukan Penyelidikan Elektronik, Peranti dan Sistem telah melawat *Harvard University* dan *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) dari 10 Julai - 8 Ogos 2018 untuk tujuan kolaborasi.

PUSAT FIZIK ZARAH NEGARA (NCPP)

Pusat Fizik Zarah Negara (NCPP) menerajui penyelidikan fizik zarah eksperimental melalui kerjasama dengan pusat penyelidikan fizik teoretikal terkemuka dan pusat kecemerlangan dalam bidang fizik zarah dan tenaga tinggi. NCPP berkolaborasi dengan empat buah pusat kecemerlangan terkemuka:

- *Compact Muon Solenoid* (CMS), *European Organization for Nuclear Research* (CERN), Geneva, Switzerland
- *Deutsches Elektronen Synchrotron* (DESY), *Hamburg*, Germany
- *High Energy Accelerator Research Organization* (KEK), Tsukuba, Jepun
- *Osaka University*, Osaka, Jepun

PENYELIDIKAN HUTAN HUJAN TROPIKA LEMBAH IMBAK

Yayasan Sabah telah membangunkan Imbak *Canyon Studies Centre* (ICSC), sebuah fasiliti di zon teras di Kawasan Pemuliharaan Imbak Canyon (ICCA) di Tongod, Sabah. ICSC menyediakan fasiliti penyelidikan bertaraf antarabangsa untuk para penyelidik menjalankan kajian berkaitan ekosistem hutan hujan tropika dan biodiversiti merangkumi taksonomi hutan hingga ke perubahan iklim.

Pada tahun 2018, ASM telah menganjurkan bengkel *Imbak Canyon: Producing Internationally Acclaimed Leaders in Tropical Rainforest Research* untuk memperkenalkan dan menggalakkan komuniti saintifik Malaysia untuk mengambil peluang menjalankan penyelidikan di ICSC.

Imbak Canyon: Producing Internationally Acclaimed Leaders in Tropical Rainforest Research // 4 April 2018

• Lawati galeri foto. • Baca liputan ASM.

LIHAT. DENGAR. ALAMI.

ASM percaya dengan penyampaian maklumat melalui komunikasi ringkas. Di ASM, persoalan **"kenapa ia penting?"** akan dijawab melalui teknik visual dan penulisan yang kreatif untuk berkongsi kepuasan penemuan dengan semua. Setiap sukaan dan ulang kicau adalah hasil minat masyarakat, dan kami menghargai setiap interaksi tersebut. Penyampaian usaha saintifik dalam bahasa yang mudah difahami merupakan usaha yang berterusan bagi ASM. Kami akan sentiasa berkongsi pencapaian kami di alam maya dengan anda.

KAMI MENGALU-ALUKAN KERJASAMA DENGAN ANDA !

Emelkan kepada:
science_comm@akademisains.gov.my

Komuniti Media Sosial



JUMLAH: 18,835

Tontonan Video



JUMLAH: 135,422

Meningkatkan Pemahaman Melalui Estetika

Setiap kajian mempunyai nilai signifikan yang tersendiri; tiada kajian yang lebih tinggi nilainya berbanding yang lain. ASM berhasrat meningkatkan kesedaran tentang pencapaian Malaysia dalam bidang STI melalui penerbitan. Penerbitan kami juga boleh digunapakai oleh para penggubal dasar untuk membuat keputusan yang bijak. Hasil penerbitan ASM dibuka kepada semua lapisan masyarakat, dengan harapan agar rakyat Malaysia akan menjadi lebih celik sains.

Jumlah penerbitan:

Laporan Nasihat 4

Kertas Posisi 2

Buku Saintifik 2

Laporan Persidangan 1

Artikel *ASM Science Journal* 17

Laporan Tahunan 1

Pembaca dalam talian (ISSUU):

Pembaca
30,587

Capaian
339,478

MENGHUBUNG SAINS SECARA GLOBAL

MENEMPUH CABARAN GLOBAL UNTUK MASA DEPAN YANG CERAH

Pembelajaran merupakan suatu proses sepanjang hayat. Saintis masa kini aktif mencari jalan untuk mencapai SDG secara pembelajaran bersama *(co-learn)* dan mencipta bersama *(co-create)* menjelang tahun 2030. Antara isu global yang sering dibangkitkan pada tahun 2018 adalah kesihatan, pendidikan, kesamaan jantina, produktiviti, inovasi, perubahan iklim, sumber air dan teknologi memuncul. ASM telah menghadiri 34 mesyuarat dan persidangan antarabangsa yang berkaitan isu-isu tersebut, malah menyumbangkan input dalam bentuk pengisytiharan rasmi, resolusi dan membentuk platform serantau agar semua pihak berkepentingan dapat bekerjasama.

Isu Air Tanggungjawab Semua

Pada tahun 2015, *World Health Organisation* (WHO) menyatakan bahawa seramai 1.8 juta penduduk dunia masih mendapatkan bekalan air daripada sumber yang tercemar. Justeru, seramai 250,000 kanak-kanak di bawah umur lima tahun mendapat penyakit cirit birit lalu meninggal dunia. Untuk membendung masalah ini, *Association of Academies and Societies of Sciences in Asia* (AASSA) yang terdiri daripada 34 akademi serta persatuan saintifik dan teknologi dari Asia dan Australasia telah memilih topik penyakit bawaan air sebagai agenda utama untuk diatasi pada tahun 2018. Sehubungan itu, ASM telah menganjurkan *International Waterborne Infectious Diseases Conference* yang menampilkan barisan pakar dari pelbagai bidang berkaitan dengan air untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menangani masalah bekalan air.

Selain daripada persidangan di atas, ASM turut menyertai *8th World Water Forum* yang membincangkan sumber air mampan melalui pengurusan dan pengagihan bekalan air global dengan efektif. Dianggarkan bahawa tua daripada tiga orang akan menghuni kawasan yang dilanda masalah air menjelang tahun 2025. Masalah kekurangan bekalan air merupakan masalah serantau. Oleh itu, kerjasama antara semua pihak perlu wujud dalam mencari penyelesaian.

International Waterborne Infectious Diseases Conference // 15-16 Ogos 2018 // Kuala Lumpur, Malaysia

» • Lawati galeri foto. • Baca resolusi rasmi.
• Baca liputan ASM.

Melentur Pucuk Kepimpinan Masa Depan

Sebahagian besar komuniti rantau ASEAN terdiri daripada golongan belia. Dianggarkan bahawa 60% populasi rantau ASEAN berumur di bawah 35 tahun. Golongan belia adalah pemacu perubahan di rantau ini. Oleh itu, ekosistem dan platform yang sesuai perlu dibentuk untuk memanfaatkan potensi dan impak dalam STI untuk membentuk masa depan yang lebih baik.

Pemimpin muda ASEAN perlu terlibat secara aktif dalam program kolaborasi untuk mencipta sebuah ekosistem pembelajaran sepanjang hayat di rantau ASEAN. Melalui pendekatan ini, kita akan mampu berdaya saing dengan negara maju yang sentiasa selangkah di hadapan. Seterusnya, kita juga boleh menjadi pemimpin dan bukan sekadar pengikut.

Tahun ini, ASM telah mencadangkan *ASEAN Young Scientists Network* dan pembentukan *ASEAN Foresight Alliance*. Selain itu, ASM juga telah menganjurkan *ASEAN Young Leaders Forum* di Cebu, Filipina untuk membincangkan kepentingan membentuk masa hadapan yang mampan untuk rantau ASEAN menerusi *foresight*. Lebih dari 40 orang ketua ASEAN berhimpun di forum yang menyediakan mereka untuk menghadapi masa depan yang disruptif dan menggalakkan kepimpinan yang mampan untuk ASEAN yang progresif.

Bersempena dengan forum tersebut, *ASEAN Young Scientists Network* juga telah dilancarkan dengan harapan platform ini meningkatkan penglibatan pemimpin muda ASEAN dengan penggubal dasar dalam melakar masa depan rantau tersebut.

ASEAN Young Leaders Forum // 18 Oktober 2018

» • Tonton video pelancaran ASEAN YSN.
• Baca liputan ASM.

Semangat Kolaborasi

Tahun ini, ASM mengambil satu lagi langkah bagi mempertingkat konsep kolaborasi ke peringkat seterusnya dengan perkongsian data, maklumat, ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam STI. ASM berhasrat untuk menyambungkan semua elemen tersebut pada peringkat serantau untuk menangani isu seperti kesihatan, perubahan iklim dan konflik bio-neksus di peringkat global dan serantau. Dalam dunia yang serba pantas, keperluan untuk sesebuah rangkaian dan perniagaan mengadaptasi perubahan ke arah transformasi adalah penting.

Tiada seseorang individu, organisasi mahupun negara yang mempunyai jawapan untuk persoalan ini. Oleh itu, budaya bekerjasama dengan visi yang dikongsi adalah sangat diperlukan. Oleh itu, ASM telah mencadangkan agar APEC mempelopori Open Science Initiative semasa *12th APEC Policy Partnership for STI Meeting*. Inisiatif ini bertujuan membentuk jaringan akademia, badan kerajaan, industri dan masyarakat di rantau Asia Pasifik. Objektif inisiatif adalah:

- Mempraktikkan teknologi digital untuk mencari penyelesaian inklusif dan lestari untul cabaran global dan serantau
- Menggalakkan penyelidikan bertanggungjawab
- Menghapuskan halangan bagi membolehkan aliran ilmu pengetahuan secara bebas melalui pemeliharaan, kebolehcapaian dan kebolehgunaan semula data

12th APEC Meeting on Policy Partnership for STI // 12-1 Ogos 2018 // Papua New Guinea

» • Lawati galeri foto • Baca liputan ASM

Suara Global Sains Sosial dan Semula Jadi

Tahun 2018 menandakan satu peristiwa penting bagi pejabat serantau ini dengan penggabungan *International Council for Science* (ICSU) dan *International Social Science Council* (ISSC) untuk membentuk *International Science Council* (ISC). Pelancaran secara rasmi itu berlansung ketika Perhimpunan Agung yang telah diadakan di Paris bagi memperingati peristiwa bersejarah tersebut. Visi utama ISC adalah untuk menjadi suara global bagi kedua-dua sains semula jadi dan sosial. Kini, program akan mula dirancang dengan mengambil kira input dari kedua bidang tersebut bagi mencapai SDG.

Regional Office for Asia and the Pacific (ROAP) akan meneruskan pengurangan risiko bencana dan kesihatan bandar sebagai bidang utama. ROAP turut mengekalkan kerjasama dengan IRDR ICoE-Taipei, dan menganjurkan tiga *Advanced Institutes* dalam bidang bencana iklim yang terjadi secara perlahan *(slow-onset)*, pengurangan risiko tanah runtuh, serta bahaya gempa bumi. Dana permulaan juga disediakan kepada ahli Advanced Institutes tersebut untuk memperkukuh penyelidik antara-disiplin serta memupuk semangat kerjasama antara negara serantau.

Dari segi kesihatan dan kesejahteraan bandar, *Science Planning Group on Epigenetics* di bawah ROAP telah menghasilkan Pelan Saintifik bertajuk *The Impact on Health and Well-Being as a Consequence of Rapid Urbanisation in the Asia-Pacific Region: The Role of Epigenetics.* Pelan sains tersebut bertujuan untuk membina kapasiti serantau dalam mengkaji kesan perubahan epigenetik yang disebabkan pembandaran pesat ke atas kesihatan manusia.

Untuk memberi impak yang lebih meluas di rantau ini, ROAP perlu bekerjasama dengan organisasi dan institusi serantau. Beberapa peluang sinergi telah diteroka oleh ROAP melalui lawatan ke UNESCAP serta UNISDR di Bangkok. Selain itu, ROAP juga telah mengadakan mesyuarat semasa Persidangan DBAR di Tengchong, China.

ROAP bersama dengan IPCC dan *Asian Network on Climate Science and Technology* (ANCST) telah menganjurkan bengkel *Status of Climate Science and Technology in Asia.* Bengkel tersebut telah menjemput saintis dari serata Asia untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan teknologi berkatitan perubahan iklim, pengurangan risiko bencana serta pernglibatan mereka dalam pembangunan lestari.

10 Tahun dan Seterusnya

International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation under the Auspices of UNESCO (ISTIC) merupakan pusat kategori II di bawah UNESCO melaksanakan program-program yang dirancang bagi memenuhi objektif dan agendanya sebagai platform antarabangsa untuk kerjasama antara negara-negara selatan dalam bidang STI. Pada tahun 2018, ISTIC:

- Telah menjalankan **9** program pembangunan kapasiti
  - 357 peserta dari **47** negara
- Bekerjasama dengan **31** organisasi
- Tambahan dua rakan strategik melalui MoU *Forum of Small Medium Economics AFRICA ASEAN* (FORSEAA) dan *United Nations Office for South-South Cooperation* (UNOSSC)

Meraikan 10 tahun kecemerlangan dalam STI, ISTIC menganjurkan *International Conference on Climate Change Education* yang menghimpunkan 127 perwakilan pakar, penggubal dasar, pegawai kerajaan, dan ahli akademik dari 20 buah negara.

Persidangan dua hari itu dibahagikan kepada empat sesi, di mana para pakar membincangkan mekanisme yang berkesan bagi mengintegrasikan pendidikan perubahan iklim dalam kurikulum, mengenal pasti sumber pembelajaran dan amalan yang baik yang akan menambah baik pendidikan perubahan iklim, dan mendapatkan sokongan untuk melatih guru mengenai pendidikan perubahan iklim menerusi Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE).

Menyedari tindakan yang diperlukan bagi menangani cabaran dalam pendidikan perubahan iklim, satu dokumen yang menggariskan cadangan dan pelan tindakan mengenai pentingnya pendidikan perubahan iklim telah dirumuskan.

Tiga cadangan utama yang diutarakan:

- Pendidikan perubahan iklim perlu diintegasikan di dalam kurikulum sekolah. IBSE yang menggalakkan pemikiran kritikal dan analitikal harus diguna pakai sebagai pendekatan pengajaran.
- Industri perlu terlibat dalam mempromosikan kesedaran dan menyediakan input untuk amalan terbaik.
- Acara susulan mengenai topik ini mesti dimulakan oleh ISTIC dengan kerjasama pihak pemegang taruh yang berkaitan, sesuai dengan peranannya sebagai platform antarabangsa untuk *south-south cooperation.*

International Conference on Climate Change Education // 7-8 Mei 2018

JARINGAN IDEA

PERHIMPUNAN
MINDA BERNAS

Dalam era pengetahuan dan maklumat, aksesori yang paling penting bagi seseorang adalah idea. Perbincangan di alam realiti masih kekal relevan walaupun penggunaan internet makin meluas. Perhimpunan pakar saintifik memudahkan perkongsian pengetahuan, pembelajaran, perhubungan, dan penciptaan kandungan. ASM mengekalkan rekod seperti tahun-tahun sebelumnya dalam menyediakan output saintifik yang berkualiti dan bermanfaat kepada semua.

SAINS KELESTARIAN:
DUNIA YANG KITA INGINKAN

Modenisasi telah membawa perkembangan teknologi dan ekonomi yang menaikkan taraf hidup masyarakat. Namun begitu, dalam mengejar perkembangan tersebut, alam semula jadi turut mengalami kemusnahan seperti penyusutan sumber alam, perubahan iklim dan kepupusan spesis. Untuk mengurangkan kesan negatif tersebut, kita perlu mengambil langkah proaktif untuk menjaga kelestarian alam semula jadi.

ASM sentiasa berusaha untuk memasukkan elemen sains kelestarian dalam proses penggubalan dasar bertumpukan kepada penyelesaian masalah tempatan, sekali gus menyesuaikan dasar tersebut kepada perspektif rantau dan global. ASM telah menjalankan beberapa kajian yang menyiasat isu-isu alam sekitar masa kini dan masa hadapan. Walau bagaimanapun, masa hadapan Bumi tetap berada dalam genggaman golongan belia. Dengan keadaan semasa, masa hadapan yang bagaimanakah yang bakal dialami oleh golongan belia?

Penganjuran Perhimpunan Agung ke-11 (11th GA) ini bertujuan menjemput pakar-pakar untuk menyampaikan pendapat mereka tentang peranan sains kelestarian dalam membentuk masa hadapan Malaysia, serta mengenal pasti cabaran dan halangan dalam membentuk masa hadapan yang ideal.

Perhimpunun tersebut dimulakan dengan pembentangan mengenai kepentingan keselamatan siber dalam dunia yang hiper-hubung *(hyper-connected)* dan hiper-global *(hyper-globalised)*, serta ketersediaan Malaysia dalam menangani cabaran dan halangan yang mendatang.

Seterusnya, barisan pakar yang terdiri daripada Felo ASM telah membincangkan isu berkaitan sains kelestarian secara holistik dari pelbagai sudut pandangan.

Perhimpunan Agung ke-11 // 28 April 2018

Para hadirin mengambil bahagian dalam memberikan input tentang topik yang dibentangkan. Menerusi laman sesawang Menti, mereka memberi pandangan dan maklum balas tentang kelestarian, peranan saintis dalam kelestarian, serta masyarakat lestari yang ideal.

• Lawati galeri foto. • Tonton video soroton. • Baca liputan ASM.

ASM ideaXchange

together we make a difference

Bagi komuniti saintifik, perbincangan idea dan penyebaran ilmu pengetahuan merupakan satu tradisi. ASM juga tidak terkecuali dalam mengamalkan tradisi ini. Dianjurkan buat julung kalinya pada tahun 2011, sesi IdeaXchange ASM adalah sebuah platform untuk komuniti saintifik dan ahli-ahli ASM bertukar-tukar idea, membincangkan hal-hal merentasi bidang, dan membahaskan isu-isu topikal yang berkaitan dengan STI.

IDEAXCHANGE KE-28: PELAN INDUK STI

Kajian dan tanggapan umum yang telah diperoleh melalui lima Bengkel Strategik Perundingan Pemegang Taruh Kajian Pelan Induk STI (2020-2030) telah dikongsikan di sesi IdeaXchange ini. Maklum balas dari para hadirin berkenaan objektif, rangka kerja, topik, teras, strategi, matlamat, dan pelan tindakan dikumpulkan. Maklum balas ini akan digunakan dalam usaha penambahbaikan STIMP.

8 Mac 2018

ASM telah dilantik oleh MOSTI untuk menjalankan kajian untuk menyediakan Pelan Induk Sains, Teknologi dan Inovasi (STIMP) 2020-2030, setelah diluluskan oleh Majlis Sains Negara pada bulan Disember 2016.

Lawati galeri foto.

IDEAXCHANGE KE-29: KAJIAN DSTIN

Dihadiri oleh Felo ASM, wakil-wakil dari insititusi pengajian tinggi, kerajaan dan industri, IdeaXchange ini merupakan sesi pembentangan hasil kajian NPSTI 2021-2030 bagi mengumpul maklum balas mengenai rangka kerja yang telah dicadangkan.

Maklum balas dan cadangan daripada para hadirin telah dikumpulkan bagi setiap teras strategik, strategi, tindakan dasar, penunjuk dan sasaran. Input yang sesuai akan disertakan dalam Laporan Kajian NPSTI 2021-2030.

1 Ogos 2018

Draf dasar rangka kerja ini mengekalkan enam teras strategik dari dasar terdahulu, dan mengutarakan 27 strategi yang boleh diguna pakai untuk membina kebolehan dan keupayaan STI di Malaysia, pada tahun 2020 dan seterusnya.

Lawati galeri foto.

IDEAXCHANGE KE-30: KOMODITI EKSPORT ALTERNATIF UNTUK MALAYSIA

Malaysia perlu mempelbagaikan komoditi pertanian serta aplikasinya untuk kekal berdaya saing dan memacu industri asas tani yang progresif. Ini seiring dengan kenyataan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam komoditi pertanian. Oleh itu, ASM telah mengadakan sesi ideaXchange yang bertajuk "Komoditi Eksport Alternatif untuk Malaysia".

Sesi ideaXchange tersebut telah dimulakan dengan gambaran keseluruhan tentang industri perladangan dan komoditi di Malaysia, yang telah disampaikan oleh Encik Othman Asmaon dari Kementerian Industri Utama Malaysia. Pembentangan beliau memfokuskan kepada komoditi ladang yang sedia ada seperti kelapa sawit, getah, kayu balak, koko, lada hitam dan kenaf.

Selepas pembentangan beliau, Datuk Dr Abdul Rahim Nik FASc telah mengendalikan perbincangan tentang komoditi eksport alternatif untuk Malaysia.

8 Oktober 2018

Malaysia merupakan pengeksport terbesar sarung tangan getah di dunia, juga pengeksport minyak dan lemak kelapa sawit kedua terbesar di dunia.

Lawati galeri foto.

SYARAHAN FELO


19 Mac 2018

BERPATUTAN ≠ TERUK

Perumahan mampu milik sering dianggap berkualiti rendah, tidak mampan dengan kebolehsesuaian yang rendah. Konsep D3 telah diperkenalkan yang menggabungkan prinsip moden STI dengan rekabentuk praktikal rumah kampung.

Konsep D3 membolehkan rumah berkualiti tinggi dihasilkan dengan rekabentuk serta teknik pembinaan berinovasi, yang mempunyai nilai pada skala besar. Tambahan pula, D3 mengamalkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) seiring dengan *National Construction Industry Roadmap* untuk meningkatkan kualiti pembinaan di samping mengurangkan kos dan tempoh pembinaan. D3 mampu membawa kebaikan kepada pemilik, pemaju serta industri pembinaan.

Ir Dr Zuhairi Abd Hamid FASc // Sains Kejuruteraan

ADAKAH SEMUA CACING PARASIT BERBAHAYA?

Sebenarnya, tidak semua cacing parasit yang menjangkiti tubuh badan kita berbahaya.

Walaupun kebanyakan cacing parasit membawa kemudaratan, namun segelintir daripadanya membawa kebaikan. Kajian mendapati bahawa cacing parasit turut bertindak melindungi perumahnya untuk terus hidup. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat sinergi antara kehadiran cacing parasit, peningkatan mikrobiota usus serta sistem imun yang baik. Hasil daripada kerjasama saintis dan organisasi, masalah kecacingan dalam beberapa komuniti telah berjaya dibendung, terutamanya dalam komuniti Orang Asli.

Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc // Sains Perubatan dan Kesihatan


5 April 2018


2 Oktober 2018

KELAPA SAWIT : SATU ALTERNATIF

Minyak sayur yang boleh diperbaharui seperti minyak kelapa sawit berpotensi menjadi bahan mentah industri dengan pelbagai penggunaan, yang menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang berkesan. Ia lebih mudah didapati berbanding dengan petrokimia, yang tidak mampan dengan stok yang semakin berkurangan. Walaupun bukan polimer, tindak balas kimia yang sesuai dengan minyak sawit boleh menghasilkan perantaraan dengan fungsi yang berbeza yang dapat berinteraksi dengan monomer lain, untuk membentuk bahan dengan sifat dan aplikasi yang menarik.

Dr Gan Seng Neon FASc // Sains Kimia

PEMIKIRAN NOBELIS

Cara pemikiran Nobelis perlu diinstitusikan untuk membina kapasiti dan memupuk penyelidik, saintis, jurutera serta ahli teknologi ke arah Malaysia 2030. Namun, apakah yang diperlukan untuk memupuk pemikiran nobelis?

Tiga soalan perlu diajukan pada diri untuk memupuk pemikiran nobelis: "Siapakah Kita", "Di Manakah Kita" dan "Apa yang Perlu Kita Lakukan". Menginstitusikan pemikiran nobelis dapat membawa kebaikan pada semua pihak, termasuk individu, institusi, perusahaan serta badan kerajaan.

Dr Zainal Ariffin Ahmad FASc // Sains Sosial dan Kemanusiaan


18 Oktober 2018


18 Oktober 2018

MENGURANGKAN KEMATIAN MATERNAL

Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kematian maternal kini, melalui beberapa usaha termasuk mengaudit kematian maternal melalui *Confidential Enquiry into Maternal Deaths* (CEMD).

CEMD menyimpan data kematian maternal secara aktif untuk meningkatkan mutu pelaporan. Kualiti dan kuantiti data juga ditingkatkan melalui kerjasama rapat dengan Jabatan Pendaftaran serta pengumpulan data tanpa nama dan tidak bersifat punitif. Dengan itu, CEMD mampu memberi impak yang besar pada dasar-dasar yang sedia ada, serta mampu membantu dalam penggubalan dasar baharu.

Profesor Dato Dr Ravindran Jegasothy FASc // Sains Perubatan dan Kesihatan

JARINGAN BERKELAJUAN TINGGI

5G mempunyai kadar kependaman yang rendah, ketersediaan yang tinggi, dan ciri-ciri keselamatan yang mantap membolehkan ia digunakan dalam perkhidmatan kritikal. Ciri-ciri seperti kos rendah dan penggunaan tenaga yang rendah boleh memberi kelebihan ke arah memperluaskan IoT.

Untuk memanfaatkan *5G, National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP) telah dilancarkan untuk menambahbaik kualiti dan liputan jalur lebar, mengurangkan kos, membolehkan semua lapisan masyarakat untuk mengakses internet serta meluaskan jaringan fiber yang sedia ada.

Profesor Dr Tharek Abd Rahman FASc // Teknologi Maklumat dan Sains Komputer


15 November 2018


29 November 2018

HYPER-CONVERGENT ECONOMY

Ekonomi dunia semakin bersifat hiper-konvergen, yang bergantung pada sistem pintar dan algoritma yang menghasilkan maklumat, idea dan inovasi baharu berasaskan data dan pembelajaran mesin.

Tanah, buruh dan modal yang merupakan pemandu ekonomi utama suatu ketika dahulu kini beransur berubah kepada sistem terbenam, algoritma pintar dan sistem berautonomi yang membentuk jaringan ilmu pengetahuan. Ekosistem teknologi yang mantap dijana oleh pelaburan modal dan bakat, sepuluh teras kesediaan rangkaian serta keupayaan dinamik akan memberi impak sosio-ekonomi yang signifikan.

Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc // Sains Sosial dan Kemanusiaan

• Lawati galeri foto. • Baca liputan ASM.

PENGIKTIRAFAN MINDA TERULUNG MALAYSIA

Majlis penganugerahan Felo ASM dan pengumuman penerima Anugerah TRSM merupakan acara penting bagi ASM setiap tahun. Tahun ini, ASM berbesar hati menerima kehadiran Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad selaku dif kehormat bagi merasmikan majlis tersebut.

Tahun ini, seramai 24 orang penyelidik seluruh negara telah menerima penganugerahan TRSM 2018 dari YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC. Dilancarkan pada tahun 2010, jumlah penerima anugerah ini telah mencapai 157 orang.

Majlis Penganugerahan Felo tahun ini menganugerahkan 29 Felo baru, menjadikan jumlah Felo ASM seramai 352 orang. Penerima anugerah ini akan membawa gelaran "FASc" di hujung nama sebagai pengiktirafan dan penghargaan jasa serta pencapaian dalam bidang masing-masing.

Selain daripada itu, salah seorang Felo ASM yang telah menonjolkan ciri-ciri kepimpinan dan memberikan sumbangan individu yang cemerlang turut diberi pengiktirafan sebagai Felo Kanan. Tahun ini, YM Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc telah dianugerahkan gelaran Felo Kanan bagi menghargai jasa dan usaha beliau dalam bidang ICT tempatan dan antarabangsa serta peranan beliau dalam penggubalan dasar negara.

Majlis Penganugerahan Felo Akademi Sains Malaysia 2018 dan Pengumuman Penerima Anugerah Top Research Scientists Malaysia 2018 // 1 November 2018

- Muat turun ASM Expert Network Edisi 2018.
- Lawati galeri foto/video.
- Baca liputan ASM.



STI MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT. EKONOMI NEGARA AKAN MERAIH MANFAAT DARI ENTITI YANG MENGGUNAPAKAI S&T. OLEH ITU, PERUSAHAAN TEMPATAN PERLU MENINGKATKAN USAHA UNTUK MEMASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DINAMIK

-YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA

YAB Tun Dr Mahathir Mohamad diiringi oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis dan Professsor Datuk Dr Asma Ismail FASc di Majlis penganugerahan Felo ASM dan pengumuman penerima anugerah TRSM.

DALAM KENANGAN

TAN SRI DATUK SERI LAW HIENG DING

17 NOVEMBER 1936 - 25 DISEMBER 2018

MEMAJUKAN AGENDA S&T NEGARA MELALUI PERKHIDMATAN AWAM

Tan Sri Datuk Seri Law Hieng Ding telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam Perakaunan dan Perbankan dari *Nanyang University* pada tahun 1960.

Dedikasi beliau dalam mempertingkat kualiti hidup penduduk setempat amat ketara melalui sumbangan beliau sebagai penjawat awam. Tan Sri Law telah menyertai *Sarawak United People's Party* (SUPP) dalam tahun 1960an dan telah dilantik sebagai anggota Majlis Daerah Bandar Sibu dari tahun 1964 hingga 1981. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Daerah Bandar Sibu dari tahun 1978 hingga 1981.

Dari tahun 1976 hingga 1987, beliau menyandang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen di bawah dua kementerian di Malaysia, iaitu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1976, dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) dari tahun 1976 hingga 1987. Tan Sri Law dilantik sebagai Ahli Parlimen untuk Kawasan Sarikei pada tahun 1982, dan beliau telah memegang jawatan tersebut selama enam penggal. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Persekutuan MOSTE selama dua penggal dari 1987 hingga 1990. Setelah itu, beliau dilantik sebagai Menteri MOSTE dari tahun 1990 hingga 2004.

Tan Sri Law juga pernah memegang jawatan Timbalan Presiden SUPP dan Yayasan Pendidikan dan Penyelidikan Nantah, di samping menjadi pengerusi dan pengarah beberapa syarikat awam dan yayasan. Walaupun beliau telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen pada tahun 2004, Tan Sri Law masih bergiat aktif untuk menaikkan taraf hidup penduduk negeri Sarawak.

Tan Sri Law telah menerbitkan beberapa buah buku, seperti *Environmental Governance in Malaysia: Insights and Reflections* yang diterbitkan pada tahun 2003 dan biografi beliau yang bertajuk *In Pursuit of Integrity and Justic*e pada tahun 2012.

Sumbangan dan jasa beliau kepada negeri Sarawak dan negara telah diiktiraf melalui anugerah dan gelaran yang diberikan kepada beliau oleh kerajaan negeri dan persekutuan. Kerajaan Persekutuan telah menganugerahkan beliau dengan Panglima Setia Mahkota Malaysia (PSM) pada tahun 2005, yang memberi beliau gelaran Tan Sri; Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2001 dengan gelaran Datuk Seri; serta Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) daripada Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1992 yang membawa gelaran Dato' Sri.

Beliau telah dilantik sebagai Felo Kehormat ASM pada tahun 2011 diatas sumbagan beliau dalam memajukan agenda S&T negara.

DR YAP THOO CHAI FASc

1 NOVEMBER 1940 - 24 OKTOBER 2018

PEMBIAK BAKA TUMBUHAN TERKEMUKA DAN PENDIDIK YANG BERDEDIKASI

Dr Yap Thoo Chai FASc telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dari *Department of Agronomy*, *National Taiwan University* sebelum meneruskan pengajian beliau pada peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di *Department of Crop Science, University of Saskatchewan*.

Dr Yap berkongsi ilmu dan minat beliau terhadap alam tumbuh-tumbuhan sebagai pensyarah di Fakulti Pertanian, UM dari tahun 1971 - 1975. Beliau menjadi profesor dalam bidang pembiakan tumbuhan di UPM pada 1976. Selepas persaraan pada 1996, beliau menyumbangkan ilmu beliau dalam menyelidik dan mendidik di beberapa buah institusi pendidikan. Pada tahun 2008, beliau telah dilantik sebagai Felo ASM di bawah kumpulan disiplin Sains Biologi, Agrikultur dan Alam Sekitar.

Dr Yap telah berpeluang untuk mendalami minat beliau dalam pembiakan tumbuhan, genetik kuantitatif dan biometrik semasa bertugas sebagai pembantu penyelidik separuh masa di *Statistics and Experimental Design Laboratory, Department of Agronomy, National Taiwan University.* Selain itu, beliau juga pernah bertugas sebagai pembantu penyelidik di *Crop Science Department* di *University of Saskatchewan.* Seterusnya, beliau telah menjalankan penyelidikan sabatikal tentang *genotype x environment interaction di University of Western Australia* serta penyelidikan tentang pembiakan tumbuhan melalui simulasi komputer di *Institute of Genetics Mishima*, Jepun. Beliau telah menjalankan penyelidikan tentang pembiakan kelapa sawit di PORIM, lalu dilantik sebagai Penasihat Teknikal PORIM dari tahun 1982 hingga 1995.

Sepanjang hidup beliau, Dr Yap telah menghasilkan lebih daripada 100 kertas saintifik dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Buku beliau yang bertajuk "Prinsip-prinsip Pembaikbiakan Tanaman" telah diterbitkan pada tahun 1985, diikuti dengan edisi kedua pada tahun 1990. Dr Yap turut mengeluarkan tiga jenis sayur-sayuran untuk penghasilan komersial, iaitu jagung manis Chinta, jagung manis *Super* Bakti dan kacang panjang baka Line 30. Dr Yap turut memberi sumbangan ilmu beliau sebagai perunding perniagaan untuk beberapa projek agrikultur milik syarikat swasta. Selain daripada sumbangan ilmu pengetahuan, Dr Yap turut menunjukkan bakat kepimpinan beliau semasa menjadi Presiden *Malaysian Scientific Association* (1992-1996) dan Presiden *Malaysian Senior Scientists Association* (2009-2011). Beliau juga telah berkhidmat sebagai Setiausaha Rantau dan Ahli Lembaga *Society for the Advancement of Breeding Research in Asia and Oceania* (SABRAO) dari tahun 1989 hingga 2000.

Keluarga, sahabat, rakan sekerja dan kenalan Dr Yap akan sentiasa mengenang jasa beliau.

PROFESOR EMERITUS DR CHIN HOONG-FONG FASc

FEBRUARI 1935 - 19 MAC 2018

MENEROKA ILMU BENIH TUMBUHAN: SATU USAHA SEPANJANG HAYAT

